

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

MESYUARAT PERTAMA  
*First Meeting*

---

Jilid III                      Bil. 18                      Hari Khamis                      24 April 1997

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	(Ruangan )
USUL MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH PERUNTUKAN MESYUARAT 62	(Ruangan )
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997	(Ruangan )

PARLIMEN KESEMBILAN

**PENYATA RASMI PARLIMEN**

**Penggal Yang Ketiga**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

Yang Berhormat Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)  
Yang Berhormat Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

Yang Berhormat Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Jainah binti Sakimin  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 24hb. April, 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**BUMIPUTERA KELAS MENENGAH DI BIDANG PERNIAGAAN  
DAN PROFESIONAL - BILAANGAN**

1. **Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah perancangan kerajaan untuk memperbesarkan jumlah golongan menengah bumiputera di bidang perniagaan dan profesional. Apakah kedudukan sebenar mengenai kategori bumiputera ini sekarang.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan untuk menambahkan bilangan bumiputera kelas menengah kini sedang disusun melalui Jawatankuasa Penyelarasan untuk menambah bilangan bumiputera kelas menengah yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Beberapa kaedah dan pendekatan jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan bilangan bumiputera kelas menengah telah dicadangkan. Di antaranya:

- (i) mengenal pasti individu bumiputera yang sesuai untuk dibangunkan dalam sektor awam dan swasta;
- (ii) mengadakan program latihan khusus untuk pegawai kerajaan menyertai Skim Latihan dan Pendedahan;
- (iii) syarikat-syarikat besar dan berjaya dikehendaki mempunyai program melahirkan bilangan bumiputera kelas menengah di bidang masing-masing;
- (iv) program ataupun bidang sektor yang berpotensi akan dikenal pasti untuk membangunkan usahawan-usahawan bumiputera;
- (v) mempertingkatkan lagi peranan kerajaan negeri dalam membangunkan hartanah dan juga ruang niaga.

- (vi) Sebuah agensi perlu dikenal pasti di peringkat negeri Sabah dan Sarawak untuk menyelaraskan pelaksanaan program khusus untuk negeri-negeri berkenaan dan seterusnya mempertingkatkan lagi peranan agensi-agensi pelaksanaan seperti PNB, PUNB, Petronas, agensi-agensi kerajaan dan juga khususnya Perbadanan Nasional Berhad dalam memikul tanggungjawab mewujudkan kelas menengah bumiputera.

Bilangan sebenar bumiputera golongan kelas menengah yang terlibat di dalam bidang perniagaan dan profesional pada masa kini tidak dapat dipastikan dengan tepat. Ini memandangkan pada masa ini masih belum ada profail dan pengkalan data yang lengkap, tersusun dan sistematik mengenai ini. Usaha-usaha sedang dibuat untuk mengenal pasti, mengumpul, memperkemas dan menganalisa maklumat penglibatan golongan tersebut di dalam semua bidang.

Walau bagaimanapun, laporan Rancangan Malaysia Ketujuh menyatakan peratus syarikat yang dikuasai oleh bumiputera dalam sektor pembuatan telah meningkat daripada 9.2% pada tahun 1990 kepada kira-kira 13% pada tahun 1995.

Penglibatan bumiputera dalam sektor borongan dan runcit telah meningkat daripada 14.5% pada tahun 1990 kepada 16% pada tahun 1995. Manakala dalam sektor kewangan penglibatan bumiputera juga telah meningkat daripada 15.1% pada tahun 1990 kepada 21% pada tahun 1995.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai menambah kepada langkah-langkah yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah pihak kementerian bersedia untuk misalnya memilih, katakan 50 orang daripada tiap-tiap satu kawasan Parlimen di seluruh negara, memilih dan mendidik mereka ini, seterusnya memberi peluang kepada mereka supaya akan lahir satu jumlah atau angka yang memberangsangkan dari segi matlamat kerajaan untuk menubuhkan ataupun meramaikan lagi bilangan kelas menengah bumiputera ini?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Terima kasih atas cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Machang tadi. Sebenarnya kita sedang mengumpul dan menganalisa berapakah ramai yang telah ada sekarang dan berapa ramaikah yang akan menjadi matlamat kita. Di dalam kita membuat perjumlahan ini, mungkin jumlah ini lebih daripada 50 orang, untuk pengetahuan Yang Berhormat, dan pandangan itu akan diambil kira.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dasar bumiputera di dalam pentadbiran kerajaan memang telah berpuluh tahun dilaksanakan. Jadi, mengapakah hingga setakat ini kita merasa agak sukar untuk mendapatkan data yang tepat dan sahih mengenai penyertaan bumiputera dan status bumiputera kelas menengah di dalam perniagaan? Tidakkah sebenarnya pihak kerajaan telah mempunyai ataupun mewujudkan unit-unit penyertaan bumiputera di semua agensi dan kementerian? Sekiranya perkara ini masih lagi berkesan, mengapakah timbul kesukaran di dalam menyenaraikan data dan profil dalam konteks ini?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Langkah-langkah sedang diambil dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi untuk mendapat data yang tepat tentang maklumat yang lebih tepat dalam bidang-bidang tertentu, oleh kerana bidang ini berkembang dari masa ke semasa. Saya rasa perkembangan jumlah itu bertambah dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, satu usaha yang lebih tekad akan diadakan untuk memastikan data yang lebih baik akan dapat diperolehi.

#### SEKOLAH SATU SESI - KEBERKESANAN

2. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang keberkesanan sekolah satu sesi iaitu dari pukul 7.30 pagi hingga 4.00 petang dan bilakah ia akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cubaan sekolah satu sesi akan hanya bermula pada 9hb. Jun, 1997 ini. Oleh yang demikian, keberkesanan sekolah satu sesi akan hanya diketahui apabila Kementerian Pendidikan menjalankan pemantauan dan penilaian ke atas sekolah-sekolah percubaan tersebut.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mendapat penjelasan dalam soalan tambahan ini, iaitu saya ingin memaklumkan bahawa pihak kerajaan negeri Perlis telah pun mencuba sekolah satu sesi pada tahun lepas, iaitu 1996 dan didapati ianya mempunyai kejayaan yang membanggakan, terutama bagi anak-anak di bangku sekolah yang rata-ratanya penduduk yang miskin, kerana mereka tidak perlu lagi pergi tuisyen, kerana telah diberi tuisyen pada waktu petang oleh sekolah yang sama. Jadi, soalnya projek 4P ini telah berjalan setahun dan akan berjalan pada tahun ini dan akan datang. Adakah pihak kementerian dapat membantu kerajaan-kerajaan negeri yang telah

mencuba dan mencapai kejayaan bagi memberi elaun-elaun tambahan kepada guru-guru ini agar mereka lebih cekap, lebih rajin untuk membantu anak-anak bagi menyambungkan pelajaran dalam satu sesi?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar sekolah-sekolah yang telah pun dikenal pasti [*Ketawa*] kebanyakan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak mengapa, Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** .....28 buah untuk dicuba dengan sekolah satu sesi mulai 9hb. Jun akan datang ini, telah pun diteliti ataupun diikuti perkembangannya. Sama ada kita akan membuat keputusan yang lanjut banyak bergantung kepada dapatan-dapatan yang kita perolehi daripada pasukan petugas yang telah ditubuhkan oleh kementerian yang saya dimaklum mempunyai kerjasama erat dengan semua sekolah yang terbabit supaya dapat diadakan saluran dua hala di antara pasukan petugas dengan sekolah tersebut, dan selepas itu daripada input-input yang kita dapat barulah dapat hendak kita muktamadkan tentang apa perkara-perkara yang munasabah diputuskan, termasuklah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Dr. G. Leelavathi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila sesi ini dimulakan, saya ingin tahu adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk menjalankan extra curricular activity seperti sukan, kursus agama dan lain-lain selepas pukul 4.00 supaya boleh menyelesaikan masalah sosial?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan sedikit perbezaan di antara sekolah satu sesi yang sedia ada sekarang dengan sekolah-sekolah yang telah kita kenal pasti untuk dilaksanakan secara perintis satu sesi ini. Antara komponen yang penting ialah dari segi penambahan masa. Yang kedua, dari segi komponen masa-masa itu akan diisi dengan tiga komponen yang penting, iaitu satu, kurikulum asas. Kedua, kurikulum ini meliputi mata-mata pelajaran yang akan ditambah waktu seperti Matematik, Sains, Bahasa Inggeris, Pengetahuan Agama Islam bagi murid-murid beragama Islam dan Pendidikan Moral bagi yang bukan beragama Islam. Begitu juga termasuk pengajian pelajaran komputer yang akan dimasukkan dalam jadual waktu satu komponen.

Yang kedua, aktiviti-aktiviti asas juga yang dimasukkan, satu misalnya perhimpunan sekolah, makan tengah hari, sembahyang jemaah bersama-sama.

Satu komponen lagi ialah tentang penggunaan Pusat Sumber Sekolah, seperti bacaan ringan, rujukan dan penyelidikan, belajar memperoleh maklumat melalui komputer. Yang ini tidak dimasukkan dalam jadual waktu.

Kalau berdasarkan kepada tiga komponen penting yang saya katakan itu, memanglah tujuan kita melalui sekolah satu sesi ini kita hendak cuba memastikan murid-murid kita, pelajar-pelajar kita dapat memenuhi seberapa banyak ruang masa yang ada, khususnya bukan sahaja dari segi akademik tetapi termasuklah kegiatan-kegiatan kokurikulum.

### **BIL PAMPASAN PENJENAYAH - MEMPERKENALKAN**

**3. Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bertambahnya jumlah jenayah-jenayah terhadap mangsa-mangsa yang tidak bersalah yang mungkin mengalami kecederaan peribadi dan juga kerosakan harta dan juga kemungkinan besar mangsa-mangsa tersebut tidak akan dapat pampasan dari penjenayah ini (segolongan yang mana adalah orang asing atau orang yang mungkin tidak dapat ditangkap) adakah Perdana Menteri bercadang untuk memperkenalkan satu Bil Pampasan Penjenayah seperti di setengah negara-negara lain di mana mangsa-mangsa yang tidak bersalah ini dibayar pampasan dari sebuah tabung yang disumbang antara lain oleh penjenayah-penjenayah dengan cara potongan wajib daripada pendapatan mereka semasa dalam pemenjaraan mereka atau oleh kerajaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan Rang Undang-undang Pampasan Penjenayah. Pada ketika ini kerajaan berpendapat bahawa peruntukan seksyen 426 Kanun Prosedur Jenayah adalah memadai.

Seksyen 426 Kanun Prosedur Jenayah memberi mahkamah kuasa untuk memerintah orang yang telah disabitkan di hadapannya atas apa-apa jenayah atau kesalahan supaya membayar sama ada kos pendakwaan ataupun pampasan atau kedua-duanya sekali kepada mana-mana mangsa atau wakil mangsa yang telah mengalami kecederaan pada dirinya, watak atau harta disebabkan oleh jenayah atau kesalahan yang dilakukan oleh penjenayah itu.

Kanun itu juga memperuntukkan pelbagai cara pembayaran di bawah seksyen 432 yang membolehkan diperintahkan oleh mahkamah bagi pembayaran kos pendakwaan atau pampasan, antaranya bayaran secara ansuran atau melalui penjualan apa-apa harta kepunyaan penjenayah. Mangsa juga berhak mengambil tindakan guaman sivil untuk mendapatkan kembali harta atau mendapatkan

ganti rugi. Apa-apa perintah di bawah seksyen 426 Kanun Prosedur Jenayah tidak menjejaskan hak untuk mendapatkan melalui proses guaman sivil pampasan yang lebih besar daripada jumlah pampasan yang diperintahkan oleh mahkamah.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya peruntukan seksyen 426 itu wujud tetapi ini jarang dipakai oleh mahkamah, malah tidak pernah, saya katakan dalam pengalaman saya selama hampir 15 tahun, tidak pernah dipakai oleh mahkamah dan jika pun si mangsa membawa tindakan sivil, mereka akhirnya hanya akan mendapat paper judgement, sehelai kertas yang tidak membawa apa-apa makna kerana ketidakmampuan penjenayah tadi untuk membayar ganti rugi, ada yang bankrap, yang tidak ada rumah, tidak ada harta, execution kepada pelaksanaan tadi tidak akan berjaya.

Apakah kerajaan tidak perlu memikirkan satu cara lain dengan penubuhan tabung tadi supaya mereka yang teraniaya tadi yang sudah menggunakan haknya di bawah tuntutan sivil tetapi tidak mendapat pampasan yang mencukupi, menggunakan saluran lain, misalannya dengan tabung tadi yang membolehkan keluarga si mangsa atau si mangsa sendiri mendapat suatu pampasan yang setimpal dengan kecederaan yang dialami, misalannya kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 326 yang melibatkan cedera parah, tetapi akhirnya si penjenayah masuk penjara, si mangsa apa pun tidak dapat. Jadi, compensation dari segi itu adakah kerajaan berhasrat untuk menimbangkan satu cara lain, kalau pun tidak dengan cara tabung yang dicadangkan tadi? Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengambil kes sivil terhadap penjenayah yang telah melakukan jenayah itu dan kita cuma hanya dapat paper judgement, bermakna penjenayah tidak membayar di atas tuntutan yang dibuat oleh orang yang dianiaya itu. Sama juga kalau tabung itu di mana kalau wangnya itu dikutip daripada penjenayah. Maknanya, penjenayah tidak mempunyai wang, jadi tabung itu pun juga akan hanya menjadi tabung, tidak ada wang. Jadi, sebab itu saya kira kerajaan telah mengambil kira ini dan kita merasakan bahawa sistem yang ada pada hari ini memang cukup memadai dan kalau sekiranya diwujudkan tabung, ianya tidak akan mengatasi masalah yang kita hadapi sepertimana di Britain pada hari ini kita dengar ada Criminal Compensation Act yang daripada pengalaman mahkamah di England, ianya lebih mendatangkan masalah daripada mengatasi masalah itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau bersetuju bahawa tabung ini masih boleh ditubuhkan, bukan sahaja setakat paper judgement seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat. Kalau semua mereka yang terlibat dalam jenayah-jenayah, termasuk pengedaran dadah di mana hartanah mereka bolehlah dirampas. Dan kalau kita pun merangkumi atau memasuki satu lagi jenayah, iaitu jenayah rasuah, kalau semua pemimpin yang terlibat dalam jenayah rasuah, hartanah mereka dirampas, saya rasa tabung ini akan melebihi beratus-ratus juta ringgit. Contohnya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor di mana hartanahnya beratus-ratus.....*[Diganggu]* Oh, minta maaf.....

**Beberapa Ahli:** Duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sabar Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Kota Melaka, diingatkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat, dalam sebarang soalan yang dikemukakan itu tidak boleh mencakupi andaian Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, di mana hartanahnya memang berpuluh-puluh juta ringgit. Apabila mereka yang terlibat dalam rasuah, hartanah mereka dirampas, tabung ini dengan sendirinya akan melebihi beratus-ratus juta ringgit. Bukankah cara ini adalah lebih baik, lebih cepat untuk mangsa-mangsa jenayah daripada mereka mengambil tindakan ke mahkamah? Kerana kalau mereka mengambil tindakan ke mahkamah menerusi cara sivil, mereka kena membelanjakan wang untuk pasang lawyer dan juga masa yang lama yang terpaksa ditunggu untuk mahkamah membuat satu keputusan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kita harus ingat juga bahawa kalau kita mempunyai tabung yang dikutip daripada wang yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka nanti, ini akan mendatangkan satu perasaan di kalangan penjenayah iaitu dia tidak perlu bimbang. Waktu dia melakukan jenayah, dia boleh buat apa sahaja sekali pun kerana dia memahami bahawa akhirnya nanti compensation itu akan dibayar oleh tabung ini. Sebab itu, kita pun kena fikir juga supaya perkara ini mesti diambil kira, jangan sampai penjenayah merasa cukup senang sekali kerana dia boleh buat apa sahaja terhadap mangsa itu dengan dia mengetahui bahawa apa juga kerugian itu sudah ada tabung untuk membayarnya. Sebab itu kerajaan kita fikirkan bahawa perkara ini

kita rasa kita tidak bersetuju setakat ini untuk mengadakan tabung ini kerana kita mahu supaya penjenayah itu bertanggungjawab di atas perkara yang dilakukan terhadap mangsanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok] tidak hadir]*

**KILANG MEMPROSES MAKANAN TERNAKAN - KESAN  
TERHADAP ALAM SEKITAR**

**5. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) apakah dasar kerajaan dari aspek alam sekitar berkaitan dengan kilang-kilang yang memproses makanan ternakan berasaskan sumber laut yang mengeluarkan bau busuk dan menimbulkan keadaan tidak selesa kepada penduduk di sekitar kawasan kilang seperti di Endau, Johor; dan
- (b) apakah langkah kementerian untuk menentukan standard pemuliharaan alam sekitar dijaga agar kualiti kehidupan rakyat terjamin di samping tidak menjejaskan operasi kilang-kilang tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin**

**Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan:

- (a) Untuk mencapai tahap negara membangun, kerajaan sentiasa menggalakkan pertumbuhan industri termasuk industri memproses makanan ternakan berasaskan sumber laut yang tergolong dalam industri bersaiz kecil dan sederhana. Industri jenis ini berpotensi menghasilkan bau busuk. Oleh yang demikian, aspek-aspek alam sekitar seperti pemasangan alat-alat kawalan pencemaran bau perlulah diberi perhatian serius agar pencemaran bau dapat dikurangkan pada tahap minimum.
- (b) Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian ini untuk menentukan standard pemuliharaan alam sekitar dijaga di samping tidak menjejaskan operasi kilang-kilang tersebut adalah:-

- (i) meningkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya ke atas kilang-kilang berasaskan sumber laut;
- (ii) mengarahkan pekilang-pekilang supaya mengamalkan langkah-langkah kawalan seperti yang digariskan dalam “Best Practicable Means for Fish/Feed Mills”, dengan izin;
- (iii) menasihati pihak berkuasa tempatan agar mengikuti Garis Panduan Penempatan dan Pengezonan Industri yang diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar dalam menempatkan industri-industri berasaskan sumber laut;
- (iv) memberi khidmat nasihat dan mengadakan sesi-sesi dialog dengan industri berkenaan bagi membantu pekilang menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi; dan
- (v) menggalakkan industri-industri berasaskan sumber laut menganggotai Persatuan Perusahaan Makanan Sejuk Beku Malaysia supaya masalah yang dihadapi oleh industri-industri kecil dan sederhana ini boleh dikongsi bersama seperti dalam pembinaan sistem pengolahan effluen berpusat.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian bercadang untuk memberi apa-apa insentif untuk pemuliharaan alam sekitar atau mengenakan bayaran ses alam sekitar yang dibayar kepada satu tabung bagi tujuan penyelidikan dan pemuliharaan alam sekitar?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah diulang balik soalan itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Adakah kementerian bercadang untuk memberi apa-apa insentif untuk pemuliharaan alam sekitar atau mengenakan bayaran ses alam sekitar yang dibayar kepada satu tabung bagi tujuan penyelidikan dan pemuliharaan alam sekitar?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita belum ada lagi insentif-insentif yang boleh diberikan kepada industri-industri berkenaan, perkara ini boleh dipertimbangkan.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan ke arah pemuliharaan alam sekitar, baik udara, air ataupun tanah, dari segi fizikal, kimia ataupun biologinya, setakat manakah usaha kerajaan dalam usaha-usaha peningkatan kilang-kilang, terutama sekali dari segi penjagaannya, peningkatan pengurusan alam sekitar ISO 14000?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, daripada segi kilang-kilang yang disebutkan tadi, sebenarnya apabila kita mengadakan sistem misalnya pembedahan yang dilaksanakan oleh IWK, kemungkinan juga kilang-kilang yang mempunyai bau busuk ini boleh kita menggunakan sistem sebagaimana kita menggunakan sistem pembedahan. Kemungkinan kilang-kilang ini boleh misalnya mengadakan sistem pembedahan, sebagaimana juga pembedahan najis supaya barang-barang ataupun pengeluaran tadi yang berbau busuk dihantar ke satu tempat yang lain oleh tangki-tangki. Ini saya rasa sudah tentulah akan dapat mengurangkan bau busuk di kilang-kilang yang berkenaan.

#### **HELIKOPTER SABAH AIR - PUNCA NAHAS**

**6. Tuan Radin Malleh [Tenom]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan kejadian ini sudah lama berlaku, apakah punca sebenar yang menyebabkan kejadian nahas helikopter Sabah Air yang berlaku berhampiran dengan Pulau Labuan pada tahun 1995 yang mengakibatkan semua pekerja carigali terbunuh.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang dikemukakan ialah laporan kemalangan pesawat Bell 412 SP Sabah Air, 32 batu nautika ke arah barat, Lapangan Terbang Kota Kinabalu telah pun dikemukakan oleh Ketua Inspektor Kemalangan Udara dan adalah dalam tindakan Kementerian Pengangkutan. Punca kemalangan akan dimaklumkan selepas tindakan pentadbiran yang sesuai diambil atas laporan tersebut. Bagaimanapun, secara ringkasnya punca kemalangan pesawat terlibat adalah disebabkan oleh sesuatu bahan asing yang terdapat dalam enjin yang menahan perjalanan minyak pelicin di salah satu jet minyak pelicin.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati sejak akhir-akhir ini kerap berlaku nahas helikopter di negara kita. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan mengapa perkara ini berlaku dan adakah kerajaan bercadang untuk mengharamkan penggunaan helikopter di negara kita?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak ada cadangan untuk mengharamkan penggunaan helikopter kerana penggunaan helikopter sebenarnya selamat, cuma dalam beberapa kes mungkin beberapa sebab yang telah menyebabkan kemalangan.

Bagi pihak kerajaan, kita telah mengadakan beberapa prosedur mengikut spec antarabangsa, seperti mewajibkan setiap kapal terbang ataupun helikopter disemak pada setiap tahun. Begitu juga

juruterbang, terpaksa menjalani pemeriksaan perubatan pada setiap 6 bulan sekali. Ini bagi menentukan supaya pengendalian dan juga prestasi juruterbang adalah sentiasa up-to-date.

DCA telah pun pada dua tahun yang lepas menubuhkan satu pasukan inspectorate untuk membantu lagi menyemak sama ada jabatan-jabatan ataupun syarikat-syarikat penerbangan mengikut peraturan yang telah ditetapkan iaitu membantu supaya audit dilakukan. Ini adalah untuk memastikan supaya semua syarikat mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, masih lagi berlaku satu, dua kemalangan yang tidak dapat dielakkan dan sebab-sebabnya telah pun disemak dan untuk Bell helikopter yang saya sebut sebentar tadi kerana terdapat ada barang dalam enjin yang menyekat salah satu jet minyak pelicin. Bagaimanapun, laporan penuh akan diisytiharkan apabila semua laporan telah dikemas kini.

**Dr. Henrynus Amin:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan penjelasan tadi iaitu bahawa dalam enjin ada benda yang asing.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya, adakah ini bermakna ada unsur sabotaj dan kalau ada unsur sabotaj mengapakah 'findings' ataupun keputusan penyelidikan itu atau penyiasatan itu tidak dimaklumkan kepada pihak umum dan kalau tidak dimaklumkan dengan seberapa segera, apakah sebabnya dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa perkara ini tidak berlaku?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan bahawa laporan kemas kini sedang disediakan

dan apabila semuanya telah lengkap akan dimaklumkan kepada Jemaah Menteri. Manakala tindakan yang kita ambil, kita telah pun meminta semua syarikat penerbangan supaya lebih teliti dengan aspek keselamatan misalnya dalam kes ini kita telah meminta supaya bila mengisi minyak kena ada orang yang melihatnya betul-betul supaya tak ada benda lain yang termasuk. Apa benda yang masuk, kita tidak boleh siarkan sekarang kerana ini kena menunggu laporan lengkap.

Untuk membantu mereka supaya mengikut peraturan ini, itulah sebab saya katakan tadi bahawa DCA mengadakan satu lagi pasukan audit membantu syarikat-syarikat untuk melihat sekali sekala, bila dia tuang minyak ada atau tidak orang yang melihatnya tuang minyak. Jadi, ini juga kita memastikan supaya mereka mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tuan Jimmy Donald.

*[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Jimmy Donald [Sri Aman] tidak hadir]*

**PENGALIRAN KELUAR/MASUK WANG OLEH  
RAKYAT MALAYSIA DAN PEKERJA ASING**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyak pengaliran wang masuk dan keluar bagi negara setiap tahun oleh:

- (a) rakyat Malaysia yang bekerja di negara asing; dan orang asing yang bekerja di Malaysia; dan
- (b) pecahan angka tersebut untuk negara-negara utama.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berasaskan maklumat mengenai bilangan pekerja asing di Malaysia yang disediakan oleh Jabatan Imigresen dan data penghantaran pulang pendapatan melalui sistem perbankan, jumlah penghantaran pulang pendapatan oleh pekerja asing yang tinggal di Malaysia yang dicatatkan dalam akaun pindahan imbangan pembayaran adalah dianggarkan sebanyak RM3 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kiriman wang ke Malaysia oleh pekerja Malaysia dari negara asing, maklumat mengenainya tidak dapat diperolehi dengan tepat. Walau bagaimanapun, data melalui sistem perbankan menunjukkan aliran masuk sebanyak lebih kurang RM400 juta dalam tahun 1996.

- (b) Ingin saya menyatakan di sini bahawa negara penerima utama kiriman wang oleh pekerja asing yang berjumlah sebanyak RM3 bilion itu adalah ke Indonesia sebanyak 62%, Bangladesh - 25% dan Philippines - 7%.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah memandangkan RM3 bilion ini adalah satu jumlah yang amat besar

sekali, adakah pihak kerajaan bercadang menjalankan beberapa tindakan untuk menyekat sebahagian pengeluaran ini supaya tidak menjadi satu aliran berterusan daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adakah RM3 bilion ini realistik memandangkan banyak pekerja asing yang tidak mencatat ataupun tidak memberitahu pihak Imigresen tentang penghantaran wang mereka?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa usaha kerajaan untuk menyekat pengaliran keluar wang yang banyak ini telah pun dijalankan melalui dasar utama dalam pembangunan kerajaan iaitu kita cuba mengalihkan struktur perindustrian kita yang mana kita sedang menggalakkan pelaburan yang berasaskan kepada 'capital intensive'.

Jadi, dengan itu kita dapat mengurangkan pergantungan kita kepada tenaga manusia yang mana insya-Allah, dalam sedikit masa lagi dapat kita kurangkan kemasukan pendatang ataupun pekerja asing dan justeru itu kita dapat mengurangkan pengaliran wang ke luar negara daripada negara kita.

Dan juga mengenai RM3 bilion ini sebenarnya yang saya sebut tadi adalah hasil daripada transfer yang menggunakan sistem perbankan. Pada realitinya ianya lebih banyak kerana banyak pekerja asing apabila selesai kerjanya, dia bawa pulang cash dan kita tidak mengikutinya ataupun membuat catatan mengenai dengan membawa cash itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, ingin saya mengingatkan bahawa apabila kita melihat pengaliran itu keluar wang sebanyak RM3 bilion ini, kita jangan lihat pengaliran hanya kepada pengaliran sahaja, selalu saya nyatakan di sini ianya mesti dilihat dari segi bersih (the nett), jadi apakah RM3 bilion itu hanya kita lihat dari segi keluar, tetapi sumbangan yang diberi oleh pekerja asing kepada peningkatan pertumbuhan negara adalah banyak.

Jadi, kita mesti lihat dari segi nett, sumbangan mereka kepada pembangunan negara sehingga kita mencapai pertumbuhan sebanyak 9.35% pada tahun 1995 dahulu, adalah banyak. Jadi, kalau tidak ada pekerja asing, mungkin kita tidak dapat mencapai peningkatan pertumbuhan ekonomi sebegitu. Jadi, perlu dilihat secara 'holistik' dan perlu diambil angka ini sebagai angka nett dan diimbangkan dengan apa yang kita dapat dari pekerja-pekerja asing.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu sama ada kerajaan bercadang untuk membenarkan pekerja-pekerja asing menyumbang ke KWSP agar dapat membantu mengurangkan pengaliran wang keluar dari negara atau adakah skim yang lain yang bersesuaian yang telah dirancang oleh kementerian Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja asing adalah diberi pilihan, menyumbang atau tidak menyumbang.

Jadi, di sini pada keadaan sekarang kita tidak mewajibkan mereka menyumbang. Sesiapa yang hendak menyumbang kita memberi kepada mereka segala peruntukan dan kemudahan yang didapati oleh pekerja negara kita sendiri, sesiapa yang tidak menyumbang kita tidak memaksanya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, di sini, mengenai dengan hal ini tidak sampai masanya untuk negara kita yang pada masa ini kita masih lagi, kita kukuh dalam fundamental ekonomi kita, jadi, tidak perlulah mewajib dan memaksa orang menyimpan untuk mengatasi masalah, sebab tidak ada masalah di dalam hal pengaliran wang dan di dalam hal ekonomi negara, kita tidak ada masalah langsung. Alhamdulillah, setakat ini kedudukan ekonomi negara adalah baik dan diharap kita ambil maklum tentang perkara ini.

#### **MESIN HAEMODIALISIS DI HOSPITAL DUCHESS OF KENT, SANDAKAN - PENAMBAHAN**

9. **Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada mesin-mesin dialisis akan ditambah untuk menjaga pesakit-pesakit buah pinggang yang semakin bertambah di Hospital Duchess of Kent di Sandakan.

**Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat empat buah mesin haemodialisis yang memberi khidmat kepada 17 pesakit kegagalan buah pinggang di Hospital Duchess of Kent, Sandakan, Sabah.

Memandangkan jumlah pesakit kegagalan buah pinggang semakin bertambah, maka Kementerian Kesihatan akan menambah satu lagi mesin haemodialisis di Hospital Duchess of Kent pada tahun 1997 ini.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Kesihatan bercadang menubuhkan unit haemodialisis bergerak untuk memberi perkhidmatan kepada pesakit dari luar bandar dan pekan kecil.

**Datuk Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita belum bercadang untuk melaksanakan perkhidmatan bergerak seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Masalah pada masa ini adalah kita ada kekurangan sumber manusia yang terlatih dalam bidang ini dan matlamat kita di Kementerian Kesihatan ialah untuk mewujudkan lebih banyak lagi pusat perkhidmatan haemodialisis di hospital-hospital yang pada masa kini belum diwujudkan perkhidmatan seperti haemodialisis.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerana soalan ini ditumpukan kepada Hospital Duchess of Kent di Sandakan sahaja, saya hendak menanya daripada ...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini masalah penting kerana apa yang berlaku di Duchess of Kent boleh berlaku di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menyatakan daripada 17 pesakit ini, berapa yang perlukan pemindahan buah pinggang dan kalau

mereka tidak sempat mengadakan pemindahan buah pinggang di negara ini apakah dasar negara sekarang kerana angka Yang Berhormat itu ialah hampir 500 pesakit yang menerima buah pinggang di negara ini dan hampir 500 menerima daripada negara India, China dan sebagainya dan kalau mereka tidak ada peluang untuk menerima pembedahan di negara ini, apakah dasarnya, kerana kita tak mampu ataupun tidak ada orang yang hendak menyumbangkan buah pinggang.

Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu perkara yang semakin hari semakin serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan berucap! Soal terus. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini bukan berucap kerana Yang Berhormat ini dia seorang peguam, kita mesti terangkan dengan lebih terperinci.

**Seorang Ahli:** Buah pinggang Kepong boleh!

**Datuk Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, hampir semua pesakit buah pinggang di Hospital Duchess of Kent perlukan pemindahan kalau ada orang yang hendak menderma organ buah pinggang. Oleh kerana pemindahan buah pinggang adalah cara yang terbaik sekali dan saya haraplah Ahli Yang Berhormat juga akan menyumbang buah pinggang Yang Berhormat!  
*[Ketawa][Tepuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak jadi masalah!

**Datuk Chua Jui Meng:** Terima kasih!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli Yang Berhormat tidak payah hendak sambut sekarang. *[Ketawa]*

**Datuk Chua Jui Meng:** Borang ini akan diedarkan dengan cepat kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. *[Ketawa]* Saya harap pada masa yang akan datang saya boleh buat laporan kepada Dewan yang mulia ini iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kepong sudah menandatangani borang itu. *[Tepuk]*

**Seorang Ahli:** Terkepung!

**Datuk Chua Jui Meng:** Saya juga telah menandatangani borang itu dan saya sudah mengumumkan saya bersedia, bila saya sampai ke akhirat, buah pinggang saya diberikan kepada orang-orang yang memerlukannya. Dan saya harap juga semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di DAP akan tampil ke hadapan untuk ‘sign’ borang itu untuk menderma organ mereka juga.

#### **MOTOSIKAL NASIONAL ‘KRISS’ - JUMLAH DIJUAL DAN PENGEDAR**

10. **Tuan Richard Riot Jaem [Serian]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah motosikal nasional ‘Kriiss’ yang telah dijual di seluruh negara, mengikut negeri, sejak ianya dilancarkan sehingga sekarang; dan nyatakan bilangan syarikat-syarikat pengedarnya, di seluruh negara, juga mengikut negeri.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato’ Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah motosikal nasional ‘Kriiss’ yang telah dijual di seluruh negara serta bilangan syarikat-syarikat pengedarnya

mengikut negeri sejak ianya dilancarkan sehingga 31hb. Mac 1997 adalah seperti berikut:-

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan Unit</b>	<b>Jumlah Penganjur</b>
Perlis	495	1
Kedah	5669	14
Pulau Pinang	5116	17
Perak	5099	16
Selangor dan Wilayah Persekutuan	9572	32
Negeri Sembilan	2347	7
Melaka	1714	5
Johor	5275	16
Pahang	1722	6
Terengganu	1135	5
Kelantan	1486	6
Sabah	864	1
Sarawak	1156	1

**Datuk Abu Seman bin Haji Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara penganjur-penganjur yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, berapa peratuskah penganjur dari golongan bumiputera dan sekiranya tidak ramai jumlahnya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sebab-sebab mengapa?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan pengedar bumiputera ini menduduki sebanyak lebih kurang 40%. Ini dianggap satu peratus yang memadai. Terima kasih.

**Tuan Richard Riot anak Jaem:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, Sarawak hanya mempunyai satu pengedar. Jadi, soalan saya adakah kementerian bercadang untuk menambahkan bilangan pengedar di negeri Sarawak memandangkan negeri Sarawak adalah sebuah negeri yang sangat luas kawasannya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkara ini, silalah rujuk kepada Modenas - syarikat yang mengedarkan motosikal nasional 'Kriss' itu. Buat permohonan dahulu dan dari segi kementerian saya, saya akan menyokong.

#### **AMANAH SAHAM BUMIPUTERA/NASIONAL - KETETAPAN MENURUT SYARIAH ISLAM**

11. **Dr. Sanusi Daeng Mariok [Rantau Panjang]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan ketetapan bahawa urusan Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham Nasional tidak terkeluar daripada landasan syariah Islam.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera telah menjalankan urusniaganya berdasarkan kepada landasan syariah Islam.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen. Adakah didapati negeri-negeri yang masih lagi belum memberi fatwa tentang ASB/ASN ini dan adakah fatwa-fatwa yang dikeluarkan itu lebih merupakan berbau politik atau sebaliknya dan adakah juga Yang Berhormat dapat pasti bahawa penyoal asal tadi tidak pernah menyimpan ASB/ASN ataupun dalam mana-mana bank yang bukan Islam ataupun Bank Islam di negara ini ataupun di luar negara? Terima kasih.

**Datuk Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang akhir wallahu wa'lam [Ketawa] - mungkin ada menyimpan di mana-mana bank. Soalan yang kedua, mengenai negeri-negeri yang memberi fatwa berhubung dengan ASN/ASB ada dua buah negeri telah menyatakan

bahawa ASN/ASB adalah harus iaitu negeri Kedah dan negeri Perak. Negeri Kedah berdasarkan kepada dasar bahawa semasa Nabi dahulu pernah membuat perniagaan dengan Yahudi sebab masalah riba' ini ialah dibawa oleh Yahudi itu sendiri.

Yang kedua, kalau ada terlibat pun dengan sedikit masalah riba' mengenai ASN/ASB ialah terlalu sedikit, peratusnya terlalu kecil. Sedangkan Yang Berhormat yang bertanya pun makan gaji adalah dibayar oleh kerajaan. Kerajaan telah mengutip hasil daripada pelbagai hasil/punca. Ada yang daripada cukai arak dancukai penjualan daging babi. Jadi, pihak Yang Berhormat pun menerima gaji itu. Jadi, *[Ketawa]* tidak tahulah bagaimana kita hendak menjelaskan sebab perkara yang kecil itu dalam muamalahnya kita boleh terima, tetapi hakikat yang besar ialah ada di antara parti yang membawa salah aqidah kepada umat. *[Sorak]* Ini satu perbuatan yang amat bahaya. Sedangkan perkara-perkara muamalah ini ada cara ijthad dan cara yang kita boleh cari mana yang boleh kita buat tetapi kalau menyelewengkan aqidah manusia terutama sekali menyelewengkan aqidah orang-orang Islam, padahnya amat berat, berdosa besar!

Sebab itulah kita menyeru kepada pemimpin-pemimpin PAS yang atasan supaya mengajak anak buah mereka ke jalan yang betul. Jangan mengikut jalan yang sesat, amat berat bahayanya.

Bayangkanlah saudara-saudari *[Ketawa]*, Tuan Yang di-Pertua, ada di antara mereka mendakwa bahawa kalau tidak mengundi PAS tidak masuk syurga. Bererti seolah-olah mereka mengatakan bahawa mengundi PAS itu satu perkara yang wajib, bahkan seolah-olah menambah rukun Islam dan rukun Iman. Jadi orang ramai apabila dipengaruhi dengan ini, terikat dengan ini, lebih berat lagi salahnya daripada orang yang terlibat dengan ajaran sesat itu sendiri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

#### **PENEROKA MENJADI JUTAWAN - PERMOHONAN BARU**

12. **Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) sejak tercetusnya berita para peneroka menjadi jutawan, adakah kementerian menerima permohonan baru untuk menyertai FELDA. Jika ada, sila nyatakan sama ada berhasrat untuk membuka tanah FELDA yang baru; dan
- (b) di sebalik berita baik menjadi jutawan, adakah dikesan berlakunya perkara-perkara buruk seperti berlaku penipuan, pergaduhan merebut harta pusaka dan lain-lain.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 1990 FELDA tidak lagi menempatkan peneroka-peneroka baru di rancangan yang telah dimajukan, sejajar dengan keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan pada akhir tahun 1989. Oleh yang demikian, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, walaupun ada menerima permohonan-permohonan untuk menyertai FELDA tidak memproses permohonan-permohonan tersebut bagi tujuan penempatan baru.
- (b) Langkah-langkah mengesan keburukan yang berkaitan secara langsung dengan isu peneroka FELDA menjadi jutawan tidak dibuat. Walau bagaimanapun, 31 pertelingkahan tentang harta pusaka telah dilaporkan di tiga buah rancangan yang dikenalpasti iaitu 23 di LBJ, 3 di Sandayan dan 5 di Sungai Buaya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, memang akhir-akhir ini ahli-ahli rancangan FELDA menunggu giliran untuk jadi jutawan. Jadi, tadi Yang Berhormat telah menyatakan 31 peristiwa pertelingkahan keluarga kerana jutawan. Jadi, soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan satu garis panduan untuk mereka ini kerana kita faham kadang-kadang mereka ini kurang pendedahan, kurang pengalaman. Jadi, kadang-kadang bila dengan sekelip mata jadi jutawan ini mereka telah lupa dan hilang pegangan. Jadi, sebagai kementerian yang ingin melihat mereka ini berjaya dan maju tidakkah kementerian sendiri yang menguruskan skim pembangunan kawasan tersebut dan mengagihkan kekayaan itu secara berperingkat-peringkat ataupun secara investment mereka balik di dalam skim-skim tersebut dan di samping itu adakah kementerian sedar bahawa dengan pembangunan di kawasan-kawasan ini, maka dengan tersendirinya keluaran kelapa sawit atau getah kita akan menurun dan apakah ini diambil perkiraan kerana ini adalah hasil eksport kita yang utama pada ketika ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pertelingkahan tentang harta pusaka merupakan satu perkara biasa di mana-mana masyarakat dan kementerian melalui pegawai-pegawai FELDA memberi nasihat kepada pihak-pihak berkenaan supaya bermusyawarah untuk mengatasi apa-apa juga masalah.

Tentang pelaburan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Yen, kementerian.....

**Seorang Ahli:** Yan.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Yan, Yan. *[Ketawa]* Saya ingat dia pun suka Yen juga. Berkenaan dengan pelaburan, kementerian telah menetapkan bahawa 30% daripada pampasan yang diperolehi haruslah dilaporkan dalam amanah saham. Tentang turunnya pengeluaran kelapa sawit oleh kerana kawasan yang terlibat itu tidak begitu besar, jadi kesannya tidak begitu berat sekali.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, tahun 60-an di zaman Allahyarham Tun Razak, FELDA-FELDA dibuka, barangkali dalam fikiran Perdana Menteri pada waktu itu beliau tidak menyangka bahawa peneroka FELDA akan menjadi jutawan dalam masa 30 tahun kemudian. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk membuka tanah-tanah FELDA supaya orang-orang Melayu di kampung dibawa masuk ke FELDA, 30 tahun lagi selepas tahun 2020 mereka akan menjual tanah ini untuk menjadi jutawan, bolehlah orang-orang bumiputera pergi duduk di Pulau Bidan atau Pulau Ketam selepas itu. Apakah kerajaan tidak menggalakkan pembukaan tanah sekarang untuk membolehkan mereka jual 30 tahun lagi supaya mereka jadi jutawan-jutawan dan tanah yang baik itu diserahkan kepada orang-orang asing? *[Ketawa]*

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama FELDA dibuka pada masa Allahyarham Tun Razak ialah kerana timbulnya 'kelaparan' tanah. Jadi, hari ini tidaklah merupakan masalah besar kerana kita dapati di setengah tempat peneroka-peneroka tidak mengusahakan tanah sendiri dan mereka menggajikan orang asing bekerja di tanah mereka.

#### **TANAH KERAJAAN DICEROBOH DAN DIDIAM SECARA HARAM - KELUASAN**

13. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) jumlah keluasan tanah kerajaan yang telah diceroboh, teroka dan didiami secara haram yang telah dikesan sejak 1991-1996 mengikut negeri, dan apakah tindakan dan hukuman yang telah dikenakan mengikut TN; dan
- (b) apakah masalah yang dikenalpasti, langkah mengatasi agar tanah milik kerajaan negeri dan Persekutuan terpelihara dan menyatakan jumlah tanah milik agensi Kerajaan Pusat secara keseluruhan di seluruh negara.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1991 hingga akhir 1996, jumlah keluasan tanah kerajaan yang diceroboh, diterokai dan didiami secara haram mengikut negeri ialah:

<u>Negeri</u>	<u>Keluasan (hektar)</u>
W/Persekutuan Kuala Lumpur	1,142
Selangor	906.04
Terengganu	50,430.48
Pahang	9,129.59
Negeri Sembilan	612.45
Pulau Pinang	95.65
Johor	12,617.32
Perak	13,146.99
Kedah	12,391.49
Perlis	4,103
Kelantan	25,738.84
	-----
Jumlah	130,311.15
	=====

Tidak ada pencerobohan seumpamanya bagi negeri Melaka. [Sorak]

Di antara tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa negeri ke atas peneroka-peneroka tanah kerajaan secara haram adalah dengan mengadakan unit penguatkuasaan di pejabat tanah dan galian yang menjalankan rondaan ke daerah-daerah yang dilaporkan berlaku penerokaan secara haram. Tindakan-tindakan yang diambil terhadap peneroka haram tersebut bolehlah dibahagikan seperti berikut:

- (a) memusnahkan tanaman kontan seperti pisang, buah betik dan lain-lain yang ditanam di atas tanah yang diteroka secara haram;
- (b) memusnah dan melupuskan dengan denda - tanaman jangka panjang seperti getah, kelapa sawit dan sebagainya;
- (c) meroboh bangunan yang didirikan oleh setinggan tersebut dan menjalankan pendakwaan di mahkamah; dan
- (d) menghalalkan pendudukan dengan memberi milik atau lesen pendudukan sementara.

Pihak berkuasa negeri selain mengambil tindakan di atas berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 425(1) Kanun Tanah Negara juga menjalankan pendakwaan ke atas penceroboh-penceroboh yang menduduki atau mendirikan apa-apa jenis bangunan di atas tanah kerajaan termasuk tanah simpanan atau tanah lombong, bercucuk tanam, menebang pokok atau mengeluarkan apa-apa hasil daripada tanah tersebut.

Beberapa masalah telah dikenal pasti menyebabkan berlakunya penerokaan ke atas tanah-tanah negeri atau Persekutuan. Antaranya ialah:

- \* kegagalan kementerian atau pihak berkuasa kerajaan negeri membangunkan tanah-tanah yang telah dikenal pasti untuk sesuatu projek dalam jangka masa tertentu;
- \* kawalan yang dibuat juga tidak menyeluruh kerana kawasan yang dipagari hanya terhad kepada kawasan yang dibangunkan sahaja;
- \* beberapa langkah telah diambil bagi memastikan tanah milik kerajaan negeri atau Persekutuan terpelihara dan tidak dicerobohi;
- \* pihak Persuruhjaya Tanah Persekutuan dari masa ke semasa memperingatkan kementerian atau jabatan di peringkat pusat, negeri dan daerah untuk mengambil langkah-langkah positif mengawal tanah daripada dicerobohi, papan-papan tanda dipasang dan tindakan memagar kawasan tersebut juga sedang diusahakan dengan mendapatkan peruntukan daripada Perbendaharaan;
- \* selaras dengan Perkara 85 dan 86 Perlembagaan Persekutuan Tanah yang tidak digunakan di dalam jangka waktu tertentu akan dipajak atau disewakan kepada mereka yang berminat;

- \* pihak Perbendaharaan telah mengeluarkan pekeliling yang menetapkan bahawa tanah-tanah yang telah diambil balik untuk sesuatu projek, tetapi belum dibangunkan hendaklah disewakan atau dikeluarkan hasil yang terdapat di atasnya untuk mengelakkan daripada dicerobohi serta bagi tujuan mendapatkan pulangan hasil kepada Kerajaan Persekutuan; dan
- \* Persuruhanjaya Tanah Persekutuan akan mengambil tindakan menukar jenis kegunaan tanah yang diperuntukkan kepada kementerian atau jabatan jika ianya tidak digunakan lagi atau menawarkannya kepada kementerian atau jabatan lain supaya tanah tersebut tidak dicerobohi atau terbiar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kesemua tanah milik agensi pusat di seluruh negara ialah 52,918.73 hektar.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, kita begitu kagum melihat langkah yang telah dibuat oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini. Namun setelah kita melihat statistik yang dipaparkan lebih daripada 130,000 hektar tanah telah pun diceroboh, dari hakikat ini apakah langkah kementerian di samping langkah-langkah yang telah digariskan bagi menentukan bahawa tanah ini tidak lagi diterokai dan tidak lagi diceroboh secara haram oleh mereka, kemungkinan disebabkan oleh ketidakcukupan

anggota penguatkuasa yang dibekalkan kepada jabatan-jabatan tanah dan sebagainya. Di samping itu, adakah kementerian juga berhasrat untuk mengambil tindakan undang-undang atau disiplin kepada mereka yang mengabaikan tanggungjawab kepada rakyat yang telah memohon tanah, tetapi tidak diberikan dengan secara yang sah?

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diperlukan pun sudah disebutkan serta dijelaskan dengan terperinci tadi. Saya percaya yang penting ialah pelaksanaan dasar yang sedia ada dan kementerian akan memberikan pandangan berat kerana perkara ini telah dibangkitkan dalam Parlimen ini beberapa kali.

Mengenai tindakan undang-undang terhadap pihak yang cuai, ini tentu akan diambil tindakan sekiranya ada bukti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab-Mulut telah pun suntuk.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 7, dan 14 hingga 47 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**USUL****MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH PERUNTUKAN MESYUARAT 62****RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN AHLI FARMASI (PINDAAN) 1997**

**Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya memohon menangguhkan Rang Undang-undang Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 1997 untuk bacaan kali yang kedua pada mesyuarat yang akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PENGGALAKAN PELABURAN (PINDAAN) 1997****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, 'Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. *[23hb. April, 1997]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebelum Yang Berhormat berucap, saya izinkan dua orang lagi berucap sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab. Tanjong.

**3.40 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997 tidak dianggap sebagai salah satu dari kumpulan rang undang-undang yang baru di dalam ruang siber, tetapi ia sebenarnya merupakan satu perundangan penting yang membolehkan (enabling) Malaysia melonjak ke era digital.

Rang undang-undang ini akan membolehkan para pelabur di MSC memperoleh status pioneer lepasan cukai selama 10 tahun. Pentingnya rang undang-undang ini tidak boleh dinafikan kerana teknologi maklumat atau IT serta masyarakat media ilmu akan merupakan penentu kritikal sama ada objektif, Wawasan 2020 Malaysia untuk menjadi negara maju akan berjaya ataupun gagal.

Kerajaan telah menyedari bahawa mengikut pendekatan industri masa kini Malaysia tidak akan berjaya mencapai status negara maju pada tahun 2020. Dan bahawa satu pendekatan era IT demi melonjakkan Malaysia dari sebuah masyarakat industri menjadi sebuah masyarakat maklumat merupakan satu-satunya cara untuk membantu kita mencapai status negara maju sebagaimana yang diharapkan oleh Wawasan 2020, malah mungkin sebelum tahun 2020.

Timbalan Menteri Kewangan Yang Berhormat dari Padang Terap mengakui pada minggu lepas bahawa kerajaan kini meraba-raba dalam gelap mengenai MSC, kerana tidak wujudnya sebarang precedent ataupun model, di mana-mana tempat di dunia ini dan menyebabkan satu dari 8 aplikasi MSC flagship iaitu 'multimedia fund haven' ditangguhkan untuk dua tahun dalam tempoh 6 bulan ia diumumkan, yang menyebabkan saya menyuarakan rasa prihatin dan berharap bahawa sungguhpun kita kini meraba-raba dalam gelap, tetapi kita mesti memastikan bahawa wujudnya cahaya di penghujung terowong (that there is a light at the end of the tunnel).

Tidak diragu-ragu lagi dengan wujudnya berbagai gembar-gembur (hub) di sekitar MSC, MSC kini telah disalah anggap sebagai serupa dengan IT. Kesilapan ini bukan sahaja dilakukan oleh rakyat jelata biasa, malah juga oleh para menteri, ahli-ahli Parlimen, pegawai-pegawai kerajaan serta para wartawan. Ini merupakan kesilapan yang sungguh serius kerana MSC sebenarnya hanya merupakan sebahagian dari agenda IT Kebangsaan dan bukannya keseluruhan agenda IT Kebangsaan, yang hanya boleh dianggap sebagai aplikasi paling menarik perhatian dalam rancangan IT Kebangsaan.

MSC bukan sahaja telah disamakan dengan IT di Malaysia, malah gembar-gemburnya atau 'hub'nya telah menghasilkan euphoria bahawa MSC bukan sahaja tentu akan berjaya dalam usaha menjadi sebuah hak IT antarabangsa, tetapi juga akan menjadi lebih cemerlang dari Singapura dan

dapat bertanding dengan Silicon Valley. Adalah penting supaya semasa kita menghalakan rakyat menuju visi Masyarakat Maklumat, kita mestilah praktikal dan realistik supaya tidak terperangkap dalam alam virtual reality mengenai rancangan-rancangan pembangunan IT di negara ini.

Selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat ke Amerika Syarikat selain daripada Jepun untuk mempromosikan MSC pada bulan Januari tahun ini wujudnya berbagai perbincangan dan laporan media mengenai kemunculan Malaysia sebagai ancaman kepada Singapura dalam bidang IT. Ini menyebabkan Ketua Eksekutif Lembaga Komputer Kebangsaan Singapura (National Computer Board) - Stephen Yeo berbalas bahawa pegawai-pegawai di Singapura tidak khuatir tentang ancaman yang dipamerkan oleh Malaysia, sebagai pemimpin baru dalam alam IT, kerana Singapura menikmati infrastruktur yang unggul serta kadar celik komputer yang tinggi di kalangan rakyatnya. Beliau berkeyakinan bahawa Singapura akan berupaya meneruskan serta memajukan lagi kelebihan yang multi-faceted iaitu termasuk:

- (i) infrastruktur yang state-of-the-art yang berupaya membawa negara itu melangkah ke abad baru; dan
- (ii) rakyat dan kadar kecekapan IT (IT computer literacy) secara umum yang memiliki pengalaman dan usaha selama 15-20 tahun head start bila dibandingkan dengan Malaysia.

Kekuatan IT Singapura termasuklah kadar pemilikan PC per keluarga....

**Tuan Chia Kwang Chye:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat,  
Bukit Bendera bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat dari Tanjong sama ada Ketua National Computer Board di Singapura namanya Encik Stephen Yeo atau Encik Philip Yeo?

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa yang saya ada ialah Stephen Yeo, kalau Yang Berhormat ada maklumat 'Philip Yeo' sila tunjuk, mungkin dia kawan Yang Berhormat, saya tidak tahulah. Itu apa yang saya ada dalam catitan saya. Adakah Philip Yeo? I am prepared to be stand corrected, you must be prepared to correct people. Adakah Philip Yeo?

**Tuan Chia Kwang Chye:** Nanti saya akan .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak tentu! *[Ketawa]* Tentukah?

**Tuan Chia Kwang Chye:** Saya akan memberi bukti kepada Yang Berhormat dari Tanjong di luar Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau itu Philip Yeo saya terima, I stand corrected dan saya harap itu betul - itu sahaja. Okay.

Kekuatan IT Singapura termasuklah kadar pemilikan PC per keluarganya yang tinggi di mana satu dalam tiga keluarganya memiliki sebuah komputer dan satu suku dari keluarga negara berkenaan mendapat akses ke Internet. Sebagai contohnya, Malaysia hanya mempunyai pelanggan Internet atau subscribers seramai 80,925 pada 1 Mac, 1997, antaranya 55,470 pelanggan Jaring dan 25,455 pelanggan Tmnet. Sebaliknya Singapura memiliki seramai 150,000 Internet subscribers sungguhpun populasinya hanya 19 peratus dari jumlah populasi Malaysia.

Laporan akhbar-akhbar pada masa-masa berkenaan bukan sahaja menyatakan soal ancaman Malaysia terhadap Singapura tetapi juga mengenai pertandingan atau contest kita dalam usaha untuk menjadi hub IT sedunia ialah Silicon Valley yang sedia wujud, MSC di Malaysia dan rancangan IT 2000 Singapura untuk merangkaikan keseluruhan pulau berkenaan serta Cybercity di Subic Bay di Filipina.

Kesimpulan secara amnya adalah bahawa kekuatan paling ketara Silicon Valley untuk berjaya dalam abad 21 atau lebih lama lagi terletak pada dengan izin, “awesome creative brainpower the state-of-the-art research capability and its unrivalled high-tech know how” dan kalau kita mahu jadi setanding dengan Silicon Valley kita pun perlu mempunyai kita sendiri, dengan izin, “awesome creative brainpower the state-of-the-art research capability and its unrivalled high-tech know how”.

Kajian-kajian ini dan laporan-laporan ini perlu dapat perhatian yang serius bukan sahaja pembuat-pembuat dasar dan semua planner tetapi pun rakyat yang biasa, oleh kerana akhirnya tujuan apa-apa rancangan kerajaan sama ada MSC atau supaya Malaysia boleh leap frog daripada zaman industri ke zaman maklumat patut untuk kebaikan negara dan untuk kebaikan generasi-generasi yang akan datang.

Dalam dua tahun ini, satu concern saya ialah bagaimana kita boleh menjaminkan masa depan kita sebagai sebuah negara mengenai unsur persaingan kita atau competitiveness, kemakmuran kita, tempat kita dalam dunia. Dalam satu masa dunia memasuki satu era digital dan itulah sebab mengapa saya berulang kali ada mendesak, mencadang, ada satu kempen 'IT for all'. Supaya kita ada satu literacy IT yang tinggi di negara kita dan mencapai dua tujuan. Satu, supaya Malaysia menyertai negara-negara yang bermaklumat kaya dan yang kedua, untuk mengadakan satu kadar Internet take-up yang tinggi di negara ini supaya kita boleh membasmi ketakutan komputer antara rakyat Malaysia dan untuk mengurangkan perbezaan antara maklumat kaya dan maklumat miskin atau mereka yang tidak boleh memasuki era maklumat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong, saya dapati bahawa ucapan Yang Berhormat berkisar pada IT ataupun teknologi maklumat sahaja. Apa hubung kaitnya dengan rang undang-undang.

**Tuan Lim Kit Siang:** MSC, MDC kalau MSC gagal habislah Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya fahami itu, peri pentingnya, itu semua orang faham dan saya cuma nak ingatkan ..

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** .... sebab kelmarin pun saya sudah cakap bahawa setiap rang undang-undang itu ada perangkuman yang spesifiknya. Kalau Yang Berhormat minat hendak membangkitkan perkara yang penting yang bersabit dengan IT itu ada masa, ada rang undang-undang yang akan dibentangkan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, sebenarnya rang undang-undang ini patut menjadi satu perbincangan yang luas mengenai MSC oleh kerana antara insentif yang ada diberikan ialah tax free, pioneer status 10 tahun, tetapi oleh kerana kita tidak tahu sehingga semalam dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa inilah disesuaikan untuk MSC supaya syarikat-syarikat yang menyertai dalam MSC boleh dapat insentif, boleh kata Ahli-ahli Parlimen dan rakyat jelata misled dan itu kita perlu membetulkan. Sebenarnya inilah masa untuk membincang MSC, bila boleh bincang MSC?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sebenarnya saya fikir ada banyak peluang lagi, Yang Berhormat. Misalnya bila

keempat-empat rang undang-undang Siber itu dibentangkan kemudian, Yang Berhormat boleh hubungkaitkannya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak, itu mengenai computer crime, bukan MSC, ini spesifik MSC.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat baca dengan teliti isi kandungan rang undang-undang ini maka dapatlah satu gambaran yang lebih ketara. Ini sebenarnya kalau nak hubungkaitkan dengan MSC, saya rasa ini pun ada had batasnya, Yang Berhormat. Bukan saya tak mahu beri peluang kepada Yang Berhormat, tetapi sedia maklumlah Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya tahu, saya tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** ... tapi sedia maklumlah Yang Berhormat, perangkumannya saya rasa jauh sikitlah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini saya rasa sebenarnya semalam patut semua bincang mengenai MSC ini. Ini kali yang pertama kita ada rang undang-undang yang ada hubung kait direct dengan MSC, MDC tetapi kita tak tahu sehingga semalam sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dan lagi pun Yang Berhormat, saya bukan cuba nak mengganggu ucapan Yang Berhormat, sebab MITI ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan itu saya

rasa, sebenarnya dia mungkin tak sangka bahawa beliau akan dikehendaki untuk menjawab soalan-soalan yang bersabit dengan MSC. Sebab yang ini rang undang-undang penggalakan pelaburan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penggalakan pelaburan kepada MSC dan kita mahu bincang iklim dan suasana dan syarat-syarat bagaimana kita boleh menggalakkan pelaburan kepada MSC.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada tak Yang Berhormat dalam rang undang-undang ini, mana satu butir yang spesifik ataupun yang khusus berkisar kepada MSC, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Yes.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dalam .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri sudah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dalam rang undang-undang ini?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, mengenai insentif khas, strategik ialah apa yang dalam MSC ialah strategik sekarang. Strategik key industry, itulah semua dalam MSC mengenai ada pelancongan, ada five star, six star hotel tetapi mustahak ialah MSC apa yang ten application, itu sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baiklah, Yang Berhormat ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sekadar contoh saya izinkan .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tapi Yang Berhormat janganlah ghairah sangat tumpu pada satu aspek sahaja, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sungguhpun satu aspek tetapi aspek yang terpenting dalam perkiraan kerajaan, dalam perkiraan kerajaan tidak ada perkara lain yang lebih mustahak daripada MSC. MSC ialah IT, IT ialah MSC, itulah anggapan kerajaan. MITI sekarang, bukan? Sebab itu kita perlu bincang sama ada betul atau tak betul, emphasis right or wrong dan lebih mustahak kalau kita mahu MSC berjaya, kita mahu boleh menarik pelabur-pelabur masuk MSC, strategik industri yang iklim keseluruhannya adalah IT literacy yang keseluruhan. Bagaimana kita boleh lawan dengan Silicon Valley, lawan dengan Singapura kalau Internet take-up rate begitu rendah? Itulah hubung kait direct .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Secara tak langsung, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik, sebenarnya saya pun sudah coming to the end on thatlah, tapi lebih mustahak saya mahu mempertahankan. Sebenarnya

saya merasa sangat disappointed bahawa Dewan yang mulia ini tidak menumpukan perbincangan mengenai MSC, oleh kerana kita tidak tahu. Sungguhpun ini bukan satu Cyber bill tetapi satu enabling cyber bill. One of the cyber bill untuk negara kita melompat kepada quantum-leap kepada zaman maklumat dan patutlah tajuk utama bukan tunggal, tetapi tajuk utama. Sebab itu saya kata sama ada Malaysia mahu menjadi satu kuasa atau super power IT dalam masa depan dan inilah kenapa kita mahu undang-undang ini kenapa ada MSC, kenapa ada rang undang-undang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini hari ini akanlah ditentukan oleh sama ada kita ada satu pendekatan, satu dasar yang lebih menyeluruh mengenai transformasi negara sebagai satu negara IT. Dan sebenarnya kalau mahu begitu kita perlu lebih jauh, lebih bervisi daripada IT for all kempen yang saya cadangkan. Dan di sini saya bersetuju dengan pengerusi dan CEO Institut strategik dan International Studies, Dr. Nordin Sophie yang baru-baru dia kata perlulah satu target yang lebih tinggi untuk generasi Malaysia ini untuk menjamin kemakmuran Malaysia.

Yang pertama, bahawa 90 peratus hingga 100 peratus population kita mahu komputer literate. Kedua, bahawa majoriti rakyat kita perlu computer fluent bukan sahaja komputer literate tetapi computer fluent. Dan ketiga, bahawa adalah satu sizeable segment, elite informatise, kita yang boleh computer accomplished boleh banding dengan counter part Amerika dalam negara yang maju. Itu mustahak, kita lebih tinggi, standard yang perlu untuk

rakyat kita. Kalau kita serius hendak menjayakan MSC dan menjayakan tujuan Malaysia untuk mencapai satu masyarakat maklumat kita perlulah satu agenda, satu plan IT yang memberi keutamaan kepada transformasi Malaysia, kepada satu populasi yang computer literate dan computer fluent dan untuk langkah pertama kita patutlah memastikan bahawa tiada seorang murid yang lepas sekolah bermula dari tahun 2000 yang tidak computer literate. Dan ini bererti bahawa semua sekolah - 1,273 sekolah yang tidak ada pembekalan elektrik perlu ada bekalan elektrik pada tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita baca surat khabar, mengenai seruan Federation of Malaysian Manufactures (FMM), yang menyeru kerajaan bahawa perlulah mengkaji semula kontrak-kontrak dan kadar-kadar electricity yang dijual kepada Tenaga Nasional oleh IPP. Dan dengan izin "In the press statement issued yesterday, The Federation of Malaysian Manufactures said he believe the proposed increase in tariff by Tenaga is partly due to the high price of electricity. The utility company had to pay the IPPs, the FMM said is suppose Tenaga's view on the need for the IPP to shares Tenaga burden in his quest to lower operating cost. Some 30% of Tenaga expenditure is reportedly paid to IPP for the electricity supply. The FMM said, IPP with the highest rate should voluntarily offer a reduction in order not to jeopardize a country competitiveness, dan ini mustahak, tak guna kita ada rang undang-undang ini untuk mengada suasana yang lebih menarik untuk pelabur-pelabur, menggalak

pelaburan-pelaburan tetapi infrastuktur atau syarat-syarat tidak ada untuk menarik mereka ke Malaysia.

Dan tentulah dalam dialog antara MITI dan anggota-anggota dalam sektor industri. Satu isu mustahak ialah mengenai infrastruktur dan harga infrastruktur. Inilah antara lapan isu utama, antara lain ialah, dengan izin, the increasing cost of production due to cost escalation by privatise utilities dan inilah sebab menjadi satu isu yang utama dalam negara kita, bukan sahaja kepada industri-industri tetapi kepada pengguna-pengguna. Tahun lalu, Mac, barulah ada satu round kenaikan tarif electricity, sekarang satu tahun. Adakah ini bererti bahawa Tenaga Nasional mahu meminta, boleh menaikkan tarif electricity tiap-tiap tahun?

Kalau begitu, mana kempen kerajaan, 'Inflasi Sifar' (zero inflation) tidak ada erti. Saya percaya industri-industri dan mereka yang mahu melabur tidak boleh menerima pendirian yang dibuat oleh Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional, Dato' Dr. Ahmad Tajuddin bin Ali beberapa hari lalu, di mana beliau berkata bahawa pengguna-pengguna perlu membayar kadar yang lebih tinggi kalau mereka tidak mahu buat begitu 'in the long run,' kalau mereka mahu elak daripada perlu membayar lebih tinggi di masa lebih panjang.

Apa hujah ini, apa alasan ini, that you must pay more now, so that you don't pay more latter. Apakah itu, langsung tidak boleh terima. Beliau ada kata bahawa tariff increase akan bertambah baik apabila Tenaga 'standing' dalam pasaran kewangan, memperbaiki dan boleh mendapat kadar meminjam yang lebih baik daripada institusi-institusi kewangan. Dia ada mengakui bahawa baru-baru ini standard and poors revice rating outlook untuk Tenaga Nasional sudah turun. Tetapi kalau standards and poors rating untuk Tenaga Nasional sudah turun, siapa salah? Bukan pengguna-pengguna salah, bukan industri-industri yang salah, tetapi itulah Tenaga Nasional management yang salah. Kenapa rakyat perlu memikul tanggungjawab itu?

Apa yang mustahak ialah baru-baru ini ada berlaku power interruption tidak berhenti. Hari ini di Pulau Pinang, lagi Island power breakdown. Di Subang Jaya selalu berlaku, di Subang Jaya selalu gelap, selalu putus power supply. In a good year, lebih daripada 100,000 power breakdown satu tahun. In a bad year mungkin 400,000 breakdown satu tahun. Adakah ini memberi alasan yang kuat untuk menambah tarif? Sebenarnya itu adalah alasan yang baik untuk turun tarif, bukan untuk menaikkan tarif oleh kerana perkhidmatan yang begitu tidak memuaskan hati.

Dua-tiga hari lalu Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos berkata kalau rakyat mahu stable quality supply, perlu bayar lebih tinggi. Apa alasan ini pun? Bukankah stable quality electricity supply satu term contract antara pengguna-pengguna, industri-industri dengan Tenaga, itu implicit term bahawa Tenaga Nasional perlu membekalkan electricity yang stabil, yang berkualiti. Bukan sekarang kata, 'oh, kalau mahu berkualiti dan stabil, bayar lebih tinggi. Inilah highway man argument, bukan satu argument institusi yang bertanggungjawab, oleh kerana inilah implicit dalam kontrak antara pengguna-pengguna, industri-industri dengan Tenaga Nasional. Apa yang mustahak kita mahu tahu kenapa Tenaga Nasional selepas satu tahun, baru satu tahun kenaikan tarif, di mana berlaku terus power breakdown, mahu lagi minta kerajaan meluluskan kenaikan tarif, yang tentulah akan menyebabkan satu iklim, satu suasana pelaburan yang tidak baik.

Di sini kita boleh lihat bahawa satu sebab utama kenapa Tenaga Nasional perlu untuk meminta kenaikan tarif ialah kerana bayaran kepada IPP dan YTL Power dalam prospektus untuk menjadi leasing, ada sebut 'oh, banyak keuntungan daripada penjualan electricity kepada Tenaga Nasional.' Masalahnya ialah kenapa rakyat perlu menjadi mangsa supaya IPP boleh dapat keuntungan begitu tinggi. Kita boleh lihat di sini prospektus untuk YTL Power, tetapi siapa beri power? Rakyat beri power, beri wang kepada YTL Power. *[Sambil membaca surat khabar]* Di sini ada sebut bahawa keuntungan ramalan YTL Power....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri bangun hendak minta jalan.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 38(1).

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh, yow, yow!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Apa Yang Berhormat?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Perbincangan atas apa-apa usul selain daripada hendak menengguhkan Majlis Mesyuarat dan perbincangan atas apa-apa rang undang-undang atau pindaan hendaklah berkaitan dengan usul atau rang undang-undang pindaan itu. Saya dengar tadi supper corridor, IT. Sekarang pula kisah TNB. Ini tiada kaitan dengan usul penggalakan dan pelaburan. Selain daripada itu, saya nampak Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membuang masa Dewan, kerana itu saya harap beliau ikut peraturan. Kalau beliau hendak cadangkan tarif diturunkan untuk pelabur, sebut sahaja tarif diturunkan, habis. Bukan mencertikan bagaimana IPP sudah untung dan sebagainya, kerana ini tidak ada kaitan. Dengan itu, saya minta Yang Berhormat dari Tanjong supaya mengikut peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, bil yang ada ini merangkumi pelaburan yang begitu luas skopnya, okay Yang Berhormat. Ini perbincangan dasar, kita bolehkan, kecuali dalam Jawatankuasa.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, tadi.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, lagi-lagi, saya mahu cari. [*Sambil membuka surat khabar*]

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, tadi mengatakan dia boleh sebut tetapi secara kasar, bukan secara detail kisah-kisah IPP dan sebagainya.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Jadi, kalau beliau hendak sebut turunkan tarif, sebutlah turunkan tarif....

**Tuan Lim Kit Siang:** Lagi-lagi...

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** ....bukan cerita gangguan bekalan elektrik dan sebagainya. Ini sudah lari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya telah buat keputusan bahawa perbincangan ini merangkumi banyak aspek.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Kalau Tuan Yang di-Pertua kata begitu, saya ikut sajalah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Ini hendak tunjuk....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, mana boleh baca surat khabar dalam Parlimen.

**Tuan Lim Kit Siang:** ....keuntungan ramalan untuk YTL Power RM714 juta daripada penjualan RM1,200 juta. Jual RM207 juta kepada Tenaga Nasional dan dapat untung RM714 juta, siapa bayar? Bukan Tenaga Nasional, tetapi rakyat jelata, pengguna-pengguna, industri-industri. Inilah increase tariff. Mana di dunia boleh dapat keuntungan yang lebih besar daripada IPP di Malaysia. Kalau begitu, bukan sahaja industri-industri pun takut datang untuk melabur, oleh kerana bukan sahaja kos tarif begitu tinggi, tetapi supply tidak begitu stabil. Selalu berlaku power interruption. Sepatutnya kita harap kalau kita mahu iklim pelaburan yang baik, bukan sahaja kita perlu bentang rang undang-undang semacam ini. Lebih mustahak ialah mewujudkan syarat-syarat infrastruktur untuk pelabur-pelabur sama ada IT - IT lebih mustahak, oleh kerana high-tech supaya....

**Tuan Lim Guan Eng:** After tax, before leasing 454.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itulah 454. Dan supaya...

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** [*Bangun*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu lagi, saya beri jalan?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tengok tadi Yang Berhormat dari Tanjong hendak membuka surat khabar. Jadi, saya hendak rujuk Peraturan Mesyuarat 23(1)(n) "Sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan meminta keterangan yang ada dalam surat-surat yang boleh didapati atau ada dalam buku-buku huraian." Jadi, surat khabar tidak boleh digunakan dalam mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa-ni! Saya mahu tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila, sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu cadang bahawa Timbalan Menteri dapat satu taklimat. DAP boleh beri taklimat yang percuma supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri faham Standing Orders.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta bolehkah surat khabar digunakan sebagai rujukan dalam Dewan ini?

**Tuan Lim Guan Eng:** Free, free.

**Tuan Lim Kit Siang:** Free cause.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, perkara ini dalam perbahasan dasar, banyak fakta boleh dipakai.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kindergarten cause pun bolehlah. *[Ketawa]*

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya bolehkah surat khabar digunakan sebagai rujukan, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Boleh, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa-ni, tentu boleh, tak tahu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada perkara yang dirujuk yang tertentu, boleh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tentu boleh, mana kata tak boleh.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Peraturan Mesyuarat kata tidak boleh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan untuk soalan, bukan untuk jadi benda dalam soalan, fahamkah ataupun tidak faham?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, tidak payah jelaslah, teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baiklah tak payah jelas, tetapi dia tak faham, bagaimana dia boleh jadi Timbalan Menteri. Dua-tiga minggu dahulu ada Ahli backbencher MCA mahu jadi champion Tan Sri Mohammad Taib pun kata ‘mana boleh sebut laporan akhbar, tidak boleh.’ Itu tidak faham, dia backbencher. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tak faham. Kindergarten pun tak layak untuk masuk. *[Tepuk]* Apa ini!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Memang saya faham.

**Tuan Lim Kit Siang:** Faham!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Memang surat khabar tidak boleh digunakan.

Tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Siapa katakan. Kita mahu satu ruling.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya telah buat ruling, Yang Berhormat boleh teruskan ucapan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah surat khabar digunakan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila teruskan.

*[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Go to kindergarten....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Kalau Tuan Yang di-Pertua kata boleh gunakan, saya ikut Tuan Yang di-Pertua, bukan saya ikut Yang Berhormat dari Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan ikut. Itu fahaman dalam Peraturan Mesyuarat. Kalau tak faham boleh pergi kindergarten, jangan datang sini untuk memalukan Kerajaan Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Tanjong....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik kindergarten. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Mungkin patut pergi prekindergarten.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Patut Yang Berhormat dari Tanjong pergi prekindergarten.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak faham langsung, mudah, simple. Yang Berhormat ada di sini embarrasslah. Tengok muka mereka, merah!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Even Menteri Pertahanan....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, DAP naik gila fasal apa? DAP naik gila fasal apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Yan...

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Yang Berhormat dari Tanjong patut pergi kindergarten.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, anak dan bapa naik gila fasal apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Yan, minta duduklah, perbincangan ini berjalan dengan baik. Saya tidak nampak macam mana boleh jadi kecoh macam itu. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, mahu lagi? Saya beri jalan, boleh.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Hai orang tua jalanlah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tidak payah cabar, Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu serius.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak ada standard.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, saya tidak harap bahawa kerajaan tidak membenarkan IPP untuk mengaut keuntungan yang begitu tinggi di mana penjualan sebanyak RM1,207 juta boleh dapat keuntungan RM714 juta. Ini bukan saya kata, ini dalam Prospektus YTL Power. Saya ingat dalam Budget apabila saya ada sebut angka RM800 juta, YTL Power nafi. Tetapi inilah sekarang dalam Prospektus YTL ada. Bagaimana ini boleh menjadi satu alasan untuk menaikkan tarif electricity. Kita mahu sebelum apa-apa keputusan dibuat oleh pihak kerajaan mengenai permohonan baru Tenaga Nasional bahawa Tenaga Nasional diwajibkan, diperlukan untuk present this case kepada industri-industri, pengguna-pengguna kenapa mahu lagi satu round kenaikan tarif Tenaga. Present a case, ini adil. Kalau ada kes tentulah rakyat jelata, pengguna-pengguna, perindustrian-perindustrian semua

orang yang reasonable. Tetapi present satu kes, kalau tidak, bukan sahaja rakyat, perindustri-perindustri semacam Federation of Malaysian Manufactures berhak untuk menentang. Kita sudah kata kalau tidak memberi pengguna-pengguna satu chance to be heard, faham kenapa perlu menaikkan tarif apabila IPP boleh mengaut keuntungan beratus-ratus juta ringgit satu tahun, at their expends, kita akan melancarkan satu signature campaign satu juta orang untuk bantah, protes, ini tidak adil. Satu ketidakadilan sosial yang begitu ketara.

Kita harap bahawa dalam perkara ini kita sebenarnya mahu ada satu appointment dengan Executive Chairman Tenaga Nasional untuk faham apa alasan. Apabila wakil kita telefon kepada Tenaga Nasional kita dapati dia ada di luar negeri. Bukan sahaja dia berada di luar negeri, dia beritahu kalau mahu buat appointment, a long queue. Apa long queue? Itu ada sikap yang betul? Kita harap bila beliau balik, kita boleh jumpa, ada perjumpaan sama ada dengan Ahli-ahli Parlimen, dengan rakyat untuk memberi satu kes untuk menjustifikasikan permohonan untuk menaikkan tarif.

Ini mustahak, ini bukan satu perkara yang tidak pertinent oleh kerana inilah menjadi satu tajuk utama dalam dialog MITI dengan industrial sector.

Dalam iklim pelaburan, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu bahawa kerajaan sendiri ada satu siasatan, kajian yang dibuat oleh beberapa syarikat mengenai apa masalah-masalah utama dalam perspektif pelabur-pelabur atau industri-industri yang boleh melabur dalam Malaysia.

Tidak dinafikan, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh nafi, bahawa satu isu yang besar yang disebutkan oleh intending investors yang Malaysia berminat untuk menarik pelaburan mereka kepada Malaysia ialah korupsi. Sebenarnya inilah satu isu yang sangat high-up dalam conscience pelabur-pelabur luar negara. Kita mahu tanya, apakah tindakan yang ada diambil oleh kerajaan supaya concern conscience rakyat jelata dan pelabur-pelabur ini bolehlah diatasi.

Apabila saya pada kali yang pertama membangkitkan hal dalam Dewan yang mulia ini mengenai laporan Transparency International di mana kedudukan Malaysia dalam tahun 1995 ialah 23 daripada 46 negara dan dalam tahun 1996 kedudukan ialah 26 daripada 54 negara. Reaksi kerajaan yang pertama ialah inilah kejadian jahat NGO-NGO transparency international, tidak patut dipercayai, tidak patut dilayani. Itulah sikap. Tetapi kalau kita bukan sahaja lihat laporan Transparency International, tetapi juga World Competitiveness Report di mana satu laporan yang suka digunakan oleh MITI, oleh kerajaan, oleh kerana dalam World Competitiveness Report, Malaysia ditempatkan di

nombor 23 antara 45 mengenai competitiveness. Dan dalam Global Competitiveness Report lebih baik ditempatkan nombor 10 daripada 49 negara. Sangat baik untuk World Competitiveness. Tetapi mengenai section corruption atau improper practise, kedudukan Malaysia tidak jauh daripada kedudukan yang diberi kepada negara kita dalam indeks International Corruption Perception Index and Transparency International.

Kita tengok, The World Competitiveness Report 1996, oleh kerana inilah yang terbaru (the latest), inilah Davos di mana Timbalan Perdana Menteri kita sangat asyik pergi - Davos World Economic Forum. Mana tempat Malaysia? Nombor 28 untuk improper practises, improper practises such as bribing or corruption, kedudukan 28, lebih teruk daripada ranking yang diberi oleh Transparency International ialah 26, di sini 28. Atau kita tengok Global Competitiveness Report di mana overall ranking kita sangat baik, number 10 out of 49. Apa kedudukan? Improper practise lagi ada. Penjelasan improper practise ialah includes such as bribing or corruption. Malaysia di mana? Nombor 26 semacam Transparency International. Kenapa maki hamun Transparency International tetapi ranking itu tidak berbeza jauh daripada ranking corruption Malaysia dalam Global Competitiveness Report atau World Competitiveness Report di mana kedua-dua report ini diterima baik oleh Kerajaan Malaysia oleh kerana keseluruhannya ranking Malaysia adalah competitiveness yang baik. Inilah yang kita akui.

Kita patut akui bahawa concern pelabur-pelabur mengenai kedudukan korupsi di Malaysia kita perlu ambil perhatian yang serius. Dan apa yang sangat malangnya ialah dalam beberapa bulan ini negara kita ada mengalami banyak kes korupsi, rasuah khasnya melibatkan mereka yang kedudukan tinggi, masalah Tan Sri Muhammad Taib pun belum selesai. Dia kata mahu sue *Brisbane Courier Mail*, mana sue, bila sue, berani 'sue'kah? Mana sue, bila sue, berani 'sue'kah.....

**Tuan Noh bin Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, Tanjong Karang hendak minta jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta jalan, nanti ya, habis ini dahulu, saya beri jalan.

**Tuan Noh bin Omar:** Boleh beri jalan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa yang lebih dahsyat, apa yang lebih malangnya ialah kita atau orang dalam Dewan ini yang menyebutkan, menyuarakan untuk champion battle against korupsi, mereka menjadi pembela amalan-amalan korup, amalan-amalan curang semacam Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Wah, champion Tan Sri Muhammad Taib, dia sudah resign. Adakah dia mahu resign? Ikut Tan Sri Muhammad Taib resignlah!

**Tuan Noh bin Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia minta jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Berilah jalan!

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh jalan.

**Tuan Noh bin Omar:** Ini gentleman, duduklah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak cabar balik Yang Berhormat dari Tanjong. Kalau benar Tan Sri Muhammad Taib akan saman *Courier Mail*, adakah Yang Berhormat berjanji dalam Dewan ini akan memohon maaf kepada beliau? Saya hendak minta janji itu, berani janji? Ataupun you resign sebagai ahli Parlimen? You jangan cabar orang. Sekarang I cabar you, kalau Tan Sri Muhammad Taib saman *Courier Mail*, you berani letak jawatan sebagai ahli Parlimen? Berani atau tidak? Kalau tidak berani, shut up, jangan cakap!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [*Menyampuk dalam bahasa Cina*]

**Tuan Noh bin Omar:** Jangan cakaplah kalau tidak berani. Kita tengok Tan Sri Muhammad Taib gentleman, letak jawatan, tetapi you? You cabar orang, you tidak berani letak jawatan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Histeria cukup? Boleh berhenti histeria?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Macam youlah, you histeria juga.

**Tuan Noh bin Omar:** I hendak beritahu you, you tengok kita bukan macam DAP, menghadapi mahkamah, bertanya mahkamah pun tak berani meletak jawatan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Histeria cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, satu, satu ya.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak cabar yang pertama tadi, beranikah sambut cabaran saya?

Itu sahaja saya hendak tanya. Berani?

**Tuan Lim Kit Siang:** Allright, duduk.

**Tuan Noh bin Omar:** Kalau Tan Sri Muhammad Taib saman *Courier Mail*, you beranikah letak jawatan? Saya cabar sekarang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, duduk.

**Tuan Noh bin Omar:** Kalau you tidak jawab, saya mesti kacau lagi. You jawab dahulu.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [*Menyampuk dalam bahasa Cina*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak duduk, nanti mahu tengok doktor mental. [*Ketawa*]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Speaker, Ketua Pembangkang DAP ini keterlaluan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, hendak minta jalankah?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Minta jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia minta jalan, habis ini dahulu, saya beri jalan, okay?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Bila dia naik angin, Tuan Yang di-Pertua, dia cabar kawan saya, ini satu kurang ajar punya member of Parliament ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak ada, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, tertakluk kepada dia hendak beri jalan atau tidak.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Jangan gelak, awak itu gila, bukan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Well, ini laporan *Brisbane Courier Mail* bukan hari ini, tetapi minggu lalu ialah 31hb. Disember, sudah 4, 5 bulan.....

**Tuan Noh bin Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, nanti, saya beri jalan, saya habiskan dahulu. 4, 5 bulan dan bukan laporan pertama, laporan kedua, sekarang barulah apabila ditanya, didesak, dicabar oleh pemberita-pemberita apa akan buat mengenai laporan *Brisbane Courier Mail* kata, 'oh, saya akan hubungi dengan peguam-peguam saya'. Soalnya ialah kenapa dalam 4, 5 bulan tidak buat apa-apa tindakan, tidak ada apa clarification, tidak ada apa-apa penjelasan. Bukankah ini semua *prima facie* sebenarnya untuk seorang pemimpin politik dan tidak boleh memberi penjelasan dalam keadaan ini bahawa beliau adalah bersalah.....

**Tuan Noh bin Omar:** [Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum habis, tunggu dahulu, duduk. Dan inilah akauntabiliti. Soalnya, bukan dia berani, saya dicabar, ditanya, kalau dia ambil tindakan undang-undang sama ada saya mahu minta maaf, saya mahu resign? Kenapa saya mahu resign? Bukan saya ada RM10 juta, RM20 juta, RM30 juta.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sekejap ya. Saya ingat kes ini telah berulang-ulang kali di Parlimen.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia cabar saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sebagai contoh bolehlah, tetapi janganlah sampai.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya tidak mahu cakap mengenai perkara ini, dia cabar saya, saya perlu untuk membela diri saya sendiri.....

**Tuan Noh bin Omar:** Tetapi dia yang cabar saya.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum habis, duduk, duduk.....

**Tuan Noh bin Omar:** Kalau you gentleman, you duduklah.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan beri dia chance, tetapi saya belum habis, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Tanjong, saya minta brief sedikit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, saya tidak mahu sentuh perkara ini. Selain daripada.....

**Tuan Noh bin Omar:** Yang Berhormat dari Tanjong, kalau.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Kalau dia tak berani beri jalan, jangan berani cabar orang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Selain daripada tidak lagi ada provokasi oleh ejen-ejen provokasi Tan Sri Muhammad Taib.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Tanjong, minta tolonglah.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak ambil tindakan.....

**Tuan Lim Kit Siang:**.....di sini ambil tindakan undang-undang tidak bererti. Apa yang bererti ialah boleh membersihkan dirinya. Kita tahu ada orang yang boleh ambil tindakan undang-undang supaya tutup perkara sahaja, untuk masa sementara, bukan oleh kerana beliau bersih, bukan oleh kerana beliau ada integriti.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya sudah beritahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak mahu menyebut perkara ini, tetapi dia masih mahu minta penjelasan.....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat hendak beri dia jalankah atau tidak?

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dia.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya rela beri dia penjelasan, tetapi apabila saya beri penjelasan, saya perlu untuk membela diri saya sendiri. Oleh kerana saya adil, saya beri penjelasan, tetapi saya perlu untuk.....

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, selagi dia tidak ubah tajuk, saya mesti ada hak untuk bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat hendak beri jalan sekarang?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ha, saya boleh beri tetapi selepas itu saya perlu untuk menjelaskan perkara lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya suka mengingatkan bahawa kes ini sudah terlalu jauh, setakat itu cukup.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, kalau mahu, saya boleh beri, tetapi saya perlu jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita tidak boleh berbincang berkaitan dengan kes itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Noh bin Omar:** Yalah, kalau dia ubah tajuk, saya duduk. Kalau dia masih cakap tajuk yang berulang-ulang kali.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau mahu penjelasan dalam perkara ini, boleh saya beri.

**Tuan Noh bin Omar:** Okay. Saya hendak ulang sedikit. Dia ini peguam, tetapi peguam bodoh, tak tahu. [*Tepuk*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Apalah ni!

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak beritahu, ini civil suit. Civil suit ini kita ada 6 tahun, kita boleh saman kalau kita hendak saman. Tidak semestinya bila hari ini kita dikeluarkan oleh pihak mana-mana akhbar, maka kita saman serta-merta. Tahun depan kita boleh saman, tidak salah daripada segi undang-undang. Kita mestilah hendak pastikan dahulu bahawa dalam peringkat undang-undang ini melibatkan pula foreign news, kita mesti pastikan apa yang kita dakwa mengikut peraturan-peraturan yang betul. Dan Tan Sri Muhammad Taib saya rasa betul, dia letak jawatan supaya dia tidak membabitkan daripada kuasa dia sebagai Menteri Besar atau mana-mana pihak, biar sahaja peribadi dia menyaman *Courier Mail*.

Sekarang ini satu sahaja saya hendak tanya dan jawapan, berani atau tidak? Sambut cabaran saya. Kalau Tan Muhammad Taib saman *Courier Mail*, you beranikah letak jawatan? Kalau you tidak boleh jawab, saya minta jangan ulang lagi. Kalau tidak, you shut up, jangan cakap. You jangan berani cabar orang, you tak berani sambut cabaran?

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum habis?

**Tuan Noh bin Omar:** You cabar saya, saya berani bangun. You berani sambut cabaran? Kalau tidak, teruskan ucapan, jangan lagi ungkit perkara-perkara yang tidak kena-mengena.

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum habis?

**Tuan Noh bin Omar:** Tidak. You berani sambut cabaran? Kalau you tidak berani sambut cabaran, you shut up, you jangan ungkit perkara yang bukan melibatkan tajuk perbahasan kita. Pergi kepada apa yang kita bahas.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Noh bin Omar:** Janganlah ambil kesempatan, tetapi penakut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Nampaknya sekarang ini telah cabar-mencabar.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Yalah, itu perkara yang tidak baik, kita gentleman.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Tanjong.....

**Tuan Noh bin Omar:** Dia gentleman, tetapi penakut. You penakut.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa yang kita perlu ialah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Tuan Noh bin Omar:** You penakut, you sambutlah saya punya cabaran.....

**Tuan Lim Kit Siang:** .....apa kita dalam Malaysia.....

**Tuan Noh bin Omar:** You sambut cabaran saya dahululah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan jawab.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat, ada apa?

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** 36(1).

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina] [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, satu, satu ya. Ya, Sipitang.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, 36(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Menyampuk dalam bahasa Cina] [Ketawa]*

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Seseorang Ahli hendaklah mengehendkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan. Ini fasal Tan Sri Muhammad bin Muhd. Taib punya kes, fasal Brisbane, surat khabar semua ini apa hal? Tuan Yang di-Pertua, kita bincang kepada pelaburanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, saya telah memperingatkan. Ya, Tanjong, mintalah Tanjong ya!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, kalau kita mahu pelaburan dan kita tidak boleh membenarkan perkara semacam Tan Sri Muhammad bin Muhd. Taib terus berlaku, oleh kerana kita mahu memberi kepercayaan ....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, saya belum habis!

**Tuan Noh bin Omar:** Tidak! Tuan Yang di-Pertua, ini tidak boleh, contoh yang diberi. *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat Tanjong, perbahasan kita telah terpesong, saya minta Ahli Yang Berhormat sekadar contoh tadi, cukuplah.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, mengenai pelaburan. Saya akan gulungkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini mustahak. Kita tak mahu lari nanti oleh kerana Parlimen, kita tidak berani menangani perkara ini, kedudukan kita transparency, international on currupcion index lagi turun - tak mahu! Kita mahu menunjuk kita berani menangani isu korupsi, kita tidak lari dan kita mahu menunjukkan semua Ahli Parlimen ‘champion war against corruption’, bukan champion perkara-perkara yang tidak bersih semacam Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong Karang. Dan dia cabar saya, okay sekarang saya jawab!

**Tuan Noh bin Omar:** Tidak! Saya hendak minta penjelasan. Dia sebut nama saya, mestilah beri peluang kepada saya, sebab kita mencabar *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya jawab, dia cabar saya sama ada saya berani

.....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, kita ada peraturan dalam Dewan dan kalau hendak bercakap dia kena beri jalan. Kalau dia beri jalan boleh.

**Seorang Ahli:** Duduklah, duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya perlu jawab cabaran dia. Oleh kerana saya dicabar, sama ada saya rela untuk meminta maaf kalau Tan Sri Muhammad bin Muhd. Taib, dia ambil tindakan undang-undang. Isu bukan dia ambil tindakan undang-undang tetapi sama ada dia bersih atau tidak bersih, sama ada dia boleh membersihkan diri atau tidak boleh membersihkan diri dan sampai hari ini dia tidak boleh memberi penjelasan mengenai harta benda berpuluh-puluh juta ringgit tunjuk on the balance of it, beliau adalah kes ...

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Dewan ...

**Tuan Lim Kit Siang:** Nanti, sabar!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Peraturan Mesyuarat 36(2).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, ya, Peraturan Mesyuarat lagi ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** 36(2)?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Ya. Sila duduk Tanjong, saya hendak bercakap!

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, boleh! *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, sila Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Peraturan Mesyuarat 36(2) menyatakan, '*Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah*'.

**Beberapa Ahli DAP:** *[Menyampuk]*

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Jadi, kes Tan Sri Muhammad bin Muhd. Taib sedang dibicarakan dalam mahkamah, jadi, saya minta wakil Tanjong balik kindergarten, baca balik buku ini. *[sambil menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat Dewan]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Yang Berhormat, kita telah jelaskan di Dewan ini beberapa minggu yang lalu, bahawa kes yang melibatkan kes-kes di mahkamah Malaysia sahaja. Yang

di luar Malaysia itu tidak *sub judice*. Kita tertakluk kepada undang-undang Malaysia ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kindergarten! Ha, tak ada lagi Peraturan Mesyuarat. Duduk, duduk! Jangan baca 36(3) dahulu.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, banyak peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, sekejap ya!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap Peraturan Mesyuarat Dewan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sudah ruling, habis!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, Tadi saya sebut Peraturan Mesyuarat 38(1).

**Tuan Lim Kit Siang:** Ah, lagi, 36(3)?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** *'Hendaklah berkaitan* ..... Duduklah wakil Tanjong, saya hendak berucap Peraturan Mesyuarat Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, satu-satu!

**Tuan Lim Kit Siang:** Hai ya!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** 38(1) menyatakan ..

**Tuan Lim Kit Siang:** 38(1)?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** ....yang hendak bercakap hendaklah berkaitan dengan Usul atau Rang Undang-undang atau pindaan' itu'. Sekarang tak ada kaitan, kerana itu kita buang masa banyak. Kalau beliau hendak bercakap berkaitan dengan hal-hal ini, dia boleh bercakap dalam perkara-perkara yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Dan tadi juga, Tuan Yang di-Pertua juga telah minta beliau jangan ulang balik perkara-perkara yang beliau telah banyak sentuh. Itu termasuk dalam Peraturan 44(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Baiklah, baiklah!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya berharap wakil Tanjong hendaklah mengikut peraturan. Kalau tidak, dia akan menimbulkan semua perkara yang boleh bercakap dalam perbincangan yang lebih awal, mengapa diulang balik perkara-perkara dalam perbincangan Rang Undang-undang yang lain?

Kita bincang masalah pelaburan. Jadi, tumpukan kepada pelaburan supaya kita dapat idea-idea yang bernas dan baik untuk meningkatkan pelaburan dalam negara. Bukan mendengar politicking DAP dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita faham!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya minta wakil Tanjong sebagai veteran, hendaklah mengikut peraturan dan bincang idea-idea apakah perkara yang baik yang hendak dikemukakan untuk meningkatkan pelaburan negara.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya faham, kita faham! Baik, baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat Tanjong, saya ingat kita tergendala sudah .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya ada orang yang kacau-kacau, potong jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, sekejap ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya akan round uplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat telah berucap hampir satu jam. Kalau boleh kerana ada Ahli-ahli yang lain yang hendak mengambil bahagian, kalau ada point yang lain, mintalah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya tahu, apa boleh buat, orang yang mahu mengganggu, tak faham Peraturan Mesyuarat, selalu mahu mengguna Peraturan Mesyuarat, tak mahu pergi kindergarten atau pre-kindergarten.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Hei apek! Ciluk eh.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Tak payahlah, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, 36(1).

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, 36(1), kalau beliau hendak pergi kindergarten, saya ada buka Taska Al-Syabab!  
*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kindergarten DAP tahu peraturan yang disebut tidak boleh dipakai, tetapi kindergarten Yang Berhormat tak faham!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya hendak tanya, ada DAP buka kindergarten?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak faham!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau pi kindergarten DAP semua perangai macam apek itu! *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, cukuplah. Kita sudah tergendala lebih kurang 15 minit, saya minta Tanjong gulunglah. Cukuplah Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya gulung. Saya mahu buat satu ingatan sahajalah, kalau tak faham, jangan cakap oleh kerana orang tak tahu. Bila cakap semua tahu, tak faham.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, mana saya tak faham, saya baca Peraturan Mesyuarat! *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Orang pun tahu tak faham!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya cabar mana DAP ada buka kindergarten? *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat Tanjong dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ...

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Mana DAP ada buka kindergarten? Saya ada buka kindergarten, Taska Al-Syabab. *[Ketawa]* DAP jangan cakap bohong dalam Dewan, dia kata DAP buka kindergarten, saya hendak tanya di mana DAP ada buka kindergarten?

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tak ada, tadi wakil Tanjong sebutkan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya rela ada satu kindergarten yang khas untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia perlu, ha, seorang sahaja cukup!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya cabar DAP, tolong buka kindergarten. Jangan bercakap bohong dalam Dewan mengatakan ada kindergarten *[Pembesar suara dimatikan]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tanjong.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya jemput anak DAP boleh hantar ke Taska Al-Syabab.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Apek duduk! *[sambil memegang buku Peraturan Mesyuarat]* Lu duduk, lu duduk apek!

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh, boleh!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Lu cilok, lu cilok!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli Yang Berhormat dari Yan, ada apa Yan?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ha apek, duduk ha! Tuan Yang di-Pertua, saya tak boleh sabar, Tuan Yang di-Pertua, kerana ini membazir wang rakyat, dia memaki hamun Ahli-ahli Parlimen lain. Tuan Yang di-Pertua, kena balik kepada Peraturan Mesyuarat 36(1), dia kena balik kepada asalnya pelaburan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kalau tidak buku ini melayang kat dia, Tuan Yang di-Pertua. Saya jamin! Apek lu, lu ...*[bercakap dalam bahasa Cina] [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat Tanjong, minta gulung.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta dia tarik balik apa dia kata tadi dalam bahasa Tionghua, inilah 'unparliamentary', orang yang buat itu 'kurang ajar'. Saya faham, saya percaya dia tak kurang ajar, perkataan dia guna tadi kurang ajar, tak perlu saya ulangi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, lain kali kalau berucap gunakan bahasa Malaysia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tarik balik, sekarang tarik balik!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, dia tak faham bahasa Malaysia. Berapa kali Tuan Yang di-Pertua tegur, dia tak faham!

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tarik balik!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya yang faham, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, minta duduk ya, Yan. Ahli Yang Berhormat Tanjong, saya tak mengerti bahasa Cina.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia tak faham bahasa Malaysia, saya beri dia faham, dia marah saya pula!

**Tuan Lim Kit Siang:** Janganlah begitu. Okaylah, saya give uplah. Orang semacam ini tak apalah. Apa yang mustahak, akhirnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat Tanjong. Ya, ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu menjelaskan oleh kerana ada dicabar, saya perlu jelaskan, bukan isu, bukan mengambil tindakan undang-undang, tetapi bersihkan diri. Ada orang yang mengambil tindakan undang-undang

untuk sementara mahu tutup kes, itu tak guna. Kalau sudah dalam mahkamah, dia boleh menunjukkan dia bersih, dia tidak corrupt, saya rela meminta maaf. Tetapi, sehingga dia buat begitu, kalau dia tidak buat apa-apa penjelasan, beliau sekarang boleh, patut resign sebagai Vice President UMNO, dia patut resign sebagai Assemblyman atau by election.

Oleh kerana kalau tidak Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang pun sudah menjadi pembela seorang yang tidak bersih dan inilah malu kepada Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Tuan Noh bin Omar:** Takutkah? Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, ya, ada perbincangan lagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Sekarang boleh cakaplah, berdirilah!

**Tuan Hashim bin Ismail:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ahli Yang Berhormat dari Ledang hendak mengambil bahagian? Ya, sila.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ini sudah habis bercakapkah?

Sudah habis bercakap atau belum lagi?

**Seorang Ahli:** Sudah habis!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ledang.

**4.37 ptg.**

**Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama dengan rakan yang lain ingin menyokong Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997, kerana walaupun Malaysia agak selesa berada dalam suasana dan iklim pelaburan yang menggalakkan khususnya daripada Singapura, USA, Jepun, United Kingdom, Republik Korea, Taiwan dan lain-lain, kita tetap berusaha untuk menjadikan Malaysia satu destinasi pelaburan yang lebih menarik dan kompetitif daripada yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyediakan kemudahan infrastruktur yang sempurna dan insentif lain dalam bentuk pelepasan cukai pendapatan, investment allowance dan lain-lain seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri semalam, kita juga merasakan perlunya satu promosi pelaburan yang intensif, dengan izin, Malaysia's foreign investment promotion drive, dipertingkatkan dan diperhebatkan bukan sahaja dengan negara-negara yang telah sedia mempunyai jumlah pelaburan yang besar di Malaysia tetapi juga dengan negara-negara lain seperti Jerman, Australia, Itali, France, Rusia dan lain-lain. Kerana negara-negara ini juga merupakan capital and technology exporting countries, dengan izin. Dengan cara ini bukan sahaja iklim pelaburan negara akan menjadi lebih kompetitif, malah akan mempercepatkan lagi peluang berlakunya proses pemindahan teknologi ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah usaha yang sedang dilakukan oleh kementerian untuk menarik lebih banyak pelaburan daripada negara-negara ini. Dan berapakah jumlah pelaburan mengikut pecahan negara-negara tersebut yang sedia ada di negara ini dan dalam bidang apa pelaburan yang mereka laburkan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping beberapa langkah yang diambil untuk menggalakkan kemasukan pelaburan asing ke negara ini, satu perkara yang tidak kurang pentingnya ialah dasar memudahkan urusan dan prosedur pentadbiran supaya kita tidak terlalu dibelenggu oleh karenah birokrasi termasuk gejala rasuah yang menyulitkan para pelabur.

Kita sering mendengar sungutan para pelabur kita yang melabur di Peoples Republic of China yang sering berhadapan dengan kesulitan birokrasi seperti ini, misalannya terlalu lambat untuk mendapatkan sesuatu kelulusan, lambat mendapatkan lesen, sukar dan mengambil masa yang lama untuk mendapatkan 'clearance custom'nya dan sebagainya.

Kita juga sering mendengar negara-negara yang sedang berusaha menarik pelaburan asing seperti Vietnam dan lain-lain, mengambil langkah memudahkan urusan birokrasi, misalannya dalam tempoh dua minggu kelulusan boleh diperolehi dan lain-lain langkah yang relevan sebagai insentif kepada pelabur-pelabur asing ini. Ini adalah jelas membuktikan betapa

pentingnya insentif dalam bentuk memberikan kemudahan dan mengurangkan karenah birokrasi diambil kira bagi sesebuah negara yang ingin menggalakkan kemasukan pelaburan asing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan menggalakkan wujudnya iklim pelaburan yang sihat di Malaysia, kita harap karenah-karenah seperti ini tidak berlaku di negara kita. Namun demikian, saya mohon penjelasan sama ada kementerian ada menerima aduan daripada mana-mana pelabur yang berhadapan dengan masalah seperti ini. Jika ada, tolong jelaskan berapa kes aduan yang diterima dan apakah tindakan kementerian untuk mengatasinya.

Saya merujuk perkara ini kerana kita juga dimaklumkan bahawa pelaburan daripada Taiwan antara tahun 1994 dan 1995 menurun daripada RM3 bilion kepada RM819.2 juta dalam tempoh tersebut. Di sebalik begitu banyak insentif diberikan, trend seperti ini sudah tentu bukannya satu perkembangan yang sihat, oleh itu apakah faktor yang menyebabkan berlakunya kemerosotan yang agak drastik dari segi pelaburan daripada Taiwan ini dan apakah langkah kementerian untuk memulihkan keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat bahawa persaingan untuk menarik pelaburan asing adalah hebat, sesetengah negara seperti Singapura, Thailand termasuk Malaysia mengamalkan dasar progressive liberalization, di mana banyak kelonggaran diberikan kepada pelabur-pelabur asing yang melabur di negara tersebut, terutama sekali pelaburan yang melibatkan high

technology, dengan izin. Adakah Malaysia juga akan memperhebatkan lagi dasar ini dan apakah bentuk kelonggaran yang diberikan dan apakah kesannya dasar ini terhadap usaha memperbaiki iklim pelaburan negara?

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana dalam usaha menarik pelaburan asing ke negara ini, kerajaan tidak juga lupa terhadap pelaburan domestik, misalannya di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) sebanyak RM470 juta disalurkan melalui Domestic Investment Fund (DIF).

Kita dimaklumkan pertumbuhan domestic investment pada tahun 1995 hanyalah sekitar 0.9%, kita ingin tahu sama ada pertumbuhan ini menggalakkan atau sebaliknya, jika insentif dalam bentuk modal yang menjadi halangan dan menyebabkan pertumbuhan yang lembab ini, adakah kerajaan bercadang untuk menambah Domestic Investment Fund supaya lebih ramai yang mendapat faedah daripada skim ini lebih-lebih lagi dalam usaha kita menggalakkan pertumbuhan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berbangga dengan langkah kerajaan mewujudkan insentif untuk pertumbuhan industri pelancongan dengan menggalakkan pembinaan lebih banyak lagi hotel-hotel kelas sederhana, kelas ekonomi dan lain-lain kemudahan yang diperlukan oleh para pelancong. Di sebalik usaha-usaha ini, ada beberapa elemen yang lebih asas dan basic yang perlu kita ambil kira, jika kita mahu industri pelancongan negara ini

berkembang pesat dan menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara iaitu selain daripada sikap orang-orang yang menjadi front liner, dengan izin, dalam industri ini seperti kakitangan di lapangan terbang, pihak kastam, imigresen, pemandu teksi dan bas-bas pesiaran, keadaan kebersihan di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur perlu juga diberikan perhatian.

Dalam perkara ini saya ingin merujuk kepada satu komen yang ditulis oleh seorang pelancong dari United Kingdom bernama V. Bork dalam ruangan feedback *New Straits Times* keluaran hari Selasa 15hb. April yang lalu. Beliau mengatakan, saya bacakan;

*“I’ve enjoyed a very pleasant, interesting and exciting visit to your city. I love how you are mixing the old and the new and are moving forward to the future, but one problem lets you down very very badly - your litter”*

Beliau menulis lagi:

*“An evening in China Town was an ‘eye opener’. How can you eat food surrounded by rubbish? Are there any health department regulation regarding this?”*

Akhir sekali beliau menulis:

*“Once again, Kuala Lumpur show what can be done and do it. Make it a place people want to return to time and time again”.*

Ini adalah tulisan dari kaca mata seorang pelancong terhadap suasana bandaraya Kuala Lumpur kita.

Jadi, kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah malang bagi Malaysia kerana di saat-saat kita sedang membangunkan industri pelancongan, lebih-lebih lagi menjelang Sukan Komanwel tahun hadapan, di saat-saat kita sedang ghairah berbicara tentang multi super corridor, information technology dan slogan “Malaysia Boleh” tetapi dari kaca mata seorang pelancong kita masih merupakan jenis manusia yang boleh dengan enak dan berselera menikmati makanan di tengah-tengah serakan dan loggokan sampah sarap yang kotor dan meloyakan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, walaupun ada pandangan yang agak negatif daripada para pelancong kita, tetapi kita masih ada masa untuk memperbetulkan keadaan ini. Mudah-mudahan dengan adanya kerjasama daripada semua pihak, maka industri pelancongan negara akan dapat dibangunkan seperti yang kita harap-harapkan.

Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Bukit Mertajam.

**4.47 ptg.**

**Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997.

Malaysia telah melangkah ke hadapan dengan adanya pelaburan daripada sektor awam dan sektor swasta dalam negara dan juga daripada luar negara. Di bawah pelan induk perindustrian pertama, pelbagai tujuan telah dicapai dalam sektor perkilangan dalam dekad 1986 hingga 1995. Pelaburan perlu digalakkan berterusan dan meningkat lagi supaya dapat meningkatkan lagi kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia hasil pembangunan perindustrian sepertimana yang ditunjukkan dalam pelan induk perindustrian kedua bagi tempoh 1996 hingga 2005.

Dalam konteks pembaikan kualiti sumber manusia dan pembangunan keupayaan penyelidikan dan pembangunan tempatan, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap masalah kebanyakan kontrak besar di kawasan-kawasan hi-tech Pulau Pinang dan di Kulim Hi-tech Park Kedah ditawarkan kepada kontraktor asing yang kemudiannya baru melantik sub-kontraktor tempatan untuk menjalankan kerja. Ini menunjukkan bahawa bukan kontraktor tempatan yang kurang kelayakan untuk mengambil kontrak tetapi minat syarikat-syarikat hi-tech yang merupakan joint venture pelaburan Malaysia dan pelaburan asing memilih kontraktor asing.

Saya ingin menyarankan bahawa jika boleh lebih ramai kontraktor tempatan yang berkelayakan dan berpengalaman boleh dipilih untuk menjalankan projek-projek pembinaan kilang-kilang dan infrastruktur hi-tech park yang lain supaya sumber manusia tempatan dapat dilatih dan diberi lebih banyak pengalaman. Di samping itu, dengan adanya kontraktor tempatan yang diberi tawaran

projek-projek, kebanyakan wang ringgit untuk pembangunan, perkilangan itu akan dikaut keuntungannya oleh syarikat tempatan.

Pada asasnya, adalah perlu dikaji semula bilangan pelajar universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan dalam pelbagai bidang pengajian. Jikalau output sumber manusia terlatih daripada institusi pengajian tinggi negara kita cuba memenuhi keperluan sumber manusia sekarang, contohnya, mengikut laporan Universiti Malaya tahun 1995, terdapat lebih kurang 800 orang pelajar bagi setiap tahun pengajian dalam Program Sarjana Muda Sastera manakala hanya lebih kurang 50 orang untuk Sarjana Muda Sains Komputer, 500 untuk Sarjana Muda Sains meliputi Fizik, Kimia, Biologi, Matematik, 200 untuk Sarjana Muda Kejuruteraan untuk setiap tahun pengajian.

Angka-angka tersebut membayangkan kecacatan pilihan kursus pengajian tidak berasaskan kepentingan Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam perjuangan negara kita menuju ke arah zaman teknologi maklumat (IT) dan Koridor Raya Multimedia. Saya berharap Kementerian Pendidikan boleh mengambil tindakan yang sesuai, contohnya, bimbingan dan kaunseling di peringkat pra-universiti, crucial, dengan izin, bagi peluang kerja dalam bidang-bidang baru dan sebagainya untuk membetulkan taburan bilangan pelajar universiti mengikut pengkhususan.

Tuan Yang di-Pertua, terhadap pembangunan keupayaan penyelidikan dan pembangunan iaitu P&P, keutamaan perlu ditegaskan untuk melatih sumber manusia berasaskan sains fundamental yang merupakan asas penyelidikan. Walaupun Sains Gunaan dan bidang lain dalam Sains Komputer dan Kejuruteraan merupakan aplikasi pengetahuan yang cepat sekali, namun saintis-saintis yang berpengalaman dalam penyelidikan sains fundamental perlu dilatih untuk menjalankan kerja penyelidikan fundamental yang sangat berkurangan di negara kita. Tanpa sumber manusia seperti saintis-saintis ini, keupayaan Malaysia menjalankan P&P adalah terhad dan mungkin kebolehan mereka mencipta rekaan baru dalam bidang komputer dan kejuruteraan akan terhad juga.

Saintis dan profesional Malaysia seharusnya diberi lebih banyak kesempatan interaksi dengan saintis dan profesional asing melalui penyertaan dalam seminar, konferens, lawatan dan usaha-usaha penyelidikan bersama. Zaman teknologi maklumat telah membolehkan interaksi secara tele-conference, E-mail, Internet dan World Wide Web, dengan izin, yang mencepatkan komunikasi penyelidikan seluruh dunia. Interaksi sektor perindustrian dan institusi pengajian tinggi pun semakin

pesat. Sebenarnya usahasama penyelidikan sentiasa dilakukan antara industri dan universiti dan cara ini bukan sahaja jimat kos bagi kedua-dua pihak, bahkan menambahkan tahap relevan penyelidikan dan membolehkan banyak keputusan penyelidikan dikomersialkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang di depan sekali dalam bidang industri sehingga ianya digelar dengan gelaran “Silicon Valley Outside America”, dengan izin. Kita mempunyai kilang-kilang elektronik yang canggih seperti Intel, HP, AMD, NS dan lain-lain yang menunjukkan kebolehan menghasilkan barangan-barangan elektronik, komputer, chip dan sebagainya dan lebih daripada menghasilkan barangan sahaja, kilang-kilang tersebut sekarang ini mempunyai kemampuan menjalankan kerja-kerja penyelidikan yang sama taraf seperti apa yang dilakukan di Amerika Syarikat. Oleh itu, kita berasa sangat bangga kerana di dalam negeri Pulau Pinang terdapat industri perkilangan elektronik komputer yang canggih, yang bertaraf dunia.

Oleh kerana itu, kita berasa adalah tepat masanya bagi negara Malaysia untuk mengambil langkah ke arah orientasi global supaya industri-industri dalam MSC boleh diarah supaya mempunyai taraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tegaskan bagaimana pentingnya kerjasama di dalam rantau Asia Tenggara yang boleh digunakan untuk mengumpul pembangunan industri di dalam negara-negara seperti Indonesia, Malaysia dan Thailand sepertimana yang didapati dalam perjanjian Indonesia, Malaysia, Thailand Growth Triangle (IMT-GT). Saya rasa dengan cara kerjasama yang diadakan di antara negara-negara kita boleh menolong satu sama lain dalam kerja perkilangan, pembangunan industri dan juga mencari pasaran yang lebih luas dalam rantau ini.

Saya berharap kerja-kerja dalam cara koperasi di antara negara-negara ASEAN dan Asia Tenggara dapat dipertingkatkan lagi supaya ada projek-projek besar-besaran supaya syarikat-syarikat di Malaysia ini boleh mengambil bahagian dengan produktiviti yang lebih tinggi dan pasaran yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan masalah ataupun tujuan supaya kita adakan syarikat perkilangan milik rakyat Malaysia, saya berharap negara kita ini dapat menjemput pelaburan langsung asing ke dalam negara kita ini untuk menubuhkan industri-industri yang memerlukan teknologi-teknologi daripada negara yang canggih. Tetapi selepas penubuhan kilang itu, kita mesti mulakan satu

proses di mana ekuiti Malaysia akan ditambah sedikit demi sedikit secara beransur-ansur dan mesti ada teknologi yang dipindahkan kepada sumber manusia Malaysia yang sesuai supaya akhirnya secara ekuiti dan secara teknologi kita warga Malaysia akan mendapat satu bahagian yang sesuai untuk negara kita dan pada akhirnya ekuiti Malaysia akan melebihi daripada ekuiti yang dipegang oleh syarikat-syarikat asing.

Jadi, dengan kata-kata itu saya memohon rang undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yan.

**4.58 ptg.**

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan syabas kepada kementerian dan juga pegawai-pegawai yang mengesyorkan rang undang-undang ini untuk mempertingkatkan lagi pelaburan masuk ke dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ia ada dua fakta dari segi untuk meningkatkan. Pertamanya, kita kena beri satu insentif, satu kelonggaran dan satu kemudahan kepada pelabur-pelabur ini dan juga satu assurance bahawa apabila mereka melabur di Malaysia mereka akan dapat pulangan yang sewajar dengan modal yang dikeluarkan di samping mereka dapat mengembangkan perniagaan mereka.

Yang kedua faktornya ialah apakah manfaat yang akan dinikmati oleh rakyat-rakyat tempatan, pelabur-pelabur tempatan dan apakah juga ganjaran yang diterima apabila mereka ini datang melabur di Malaysia. Jadi, apakah rakyat Malaysia juga mendapat transfer teknologinya, mendapat kerjasama dengan pihak syarikat ini untuk sama-sama menimba keuntungan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tekankan di sini iaitu dari segi transfer teknologi ini saya kira setakat hari ini kita, dari pandangan saya, tidak berpuashati dengan cara-cara syarikat luar terutama sekali negara Jepun yang melabur di Malaysia yang tidak langsung menghormati kehendak-kehendak rakyat Malaysia iaitu dari segi transfer technology. Kita boleh tengok hari ini, kadang-kadang syarikat tersebut monopoli keseluruhannya dari segi transportnya, dari segi apa sahaja kerja semuanya diberi kepada syarikat tersebut ataupun anak-anak syarikat tersebut yang diwujudkan di Malaysia. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, dari segi transportation, kalau kita ikut highway, banyak syarikat-syarikat Jepun hari ini menggunakan lesen bumiputera ataupun atas usaha sama tetapi sebenarnya tidak

usaha langsung. Mereka memonopolikan transportation alat-alat ini sehingga pekerjaan yang begitu mudah sekalipun, tidak boleh diberi peluang kepada rakyat-rakyat tempatan.

Juga dari segi IKS, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati yang sedih hari ini bahawa IKS ini yang sepatutnya syarikat-syarikat induk ini membantu untuk memberi peluang kepada orang-orang tempatan ini tidak langsung berjaya. Kementerian Pembangunan Usahawan (*kepada Dato' Mustapa*) terpaksa ke hulu-ke hilir untuk memastikan bahawa IKS ini dapat berjaya. Kerajaan memberi insentif, memberi berbagai-bagai bantuan, low interest, pinjaman bank dan sebagainya, tetapi apa yang hendak diIKSkkan kalau benda itu tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya biasa melihat borang IKS itu sendiri, syarikat itu terpaksa menyenaraikan satu persatu termasuk kos keseluruhannya dan akhirnya kos sesuatu benda itu berapa. Kemudian pihak kilang besar akan menetapkan keuntungan, sedangkan kadang-kadang kos itu katalah hanya RM5, tetapi syarikat itu menjual balik sampai seratus kali ganda, dua ratus kali ganda. Jadi, adakah sistem ini berpatutan? Kita memerah syarikat-syarikat tempatan. Oleh itu, saya berharaplah di samping kita menggalakkan pelaburan ini Tuan Yang di-Pertua, kita kenalah memberi kelonggaran, beri tax holiday atau memberi peluang-peluang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila mereka melabur di sini - di Jepun hendak main golf pun sekali main 'green fee'nya berapa ribu? Mereka datang ke sini macam lembu dapat air, dia main golf, dia bermain di padang

golf tiap-tiap petang, hujan ribut pun dia main, sebab murah. Ini kemudahan yang mereka kena terima hakikatnya. Kita beri kemudahan dan sebagainya malah kalau di Tokyo sendiri kalau duduk rumah sebesar kandang kambing pun berapa ribu sewanya? Di sini expatriate mereka tinggal di apartmen-apartmen yang bertaraf lima bintang, ada swimming pool dan sebagainya. Ini kemudahan yang mereka dapat. Jadi, perkara ini patut dimasukkan juga di dalam faktor kita mempergalakkan pelaburan. Semua ini saya percaya mereka menikmatinya. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya pihak kementerian juga mesti ada satu garis panduan kepada pelabur-pelabur ini dan memonitorkan perjalanan syarikat ini supaya pada akhirnya macam disuarakan oleh rakan-rakan saya tadi rakyat tempatan mendapat nikmat daripada pelaburan tersebut. Jadi, kita tidak mahu sekali lagi dijajah dalam bentuk ekonomi, walaupun kita sudah mencapai kemerdekaan. Kita tidak mahu juga dijajah dari segi bentuk ekonominya dan saya berharaplah kalau boleh pihak kerajaan janganlah kerana terlalu hendakkan industri-industri membangun di negara kita, kadang-kadang kita 'give way' keterlaluan kepada pelabur ini dan mereka mengambil advantage.

Saya bersetuju dengan sahabat saya pada hari semalam mengatakan bahawa 10 tahun tax holiday ini, Tuan Yang di-Pertua, agak panjang sangat. Jadi, kita hendak untung di mana? Pada hari ini pekerja kita bukannya ramai sangat, sungguhpun kita berasa berterima kasih kerana ramai rakyat tempatan

dapat berkhidmat atau bekerja di dalam kilang-kilang tertentu, tetapi kita kena ingat kita kena mengatasi masalah sosial dengan pendatang-pendatang ini. Ini pun adalah salah satu yang perlu kita ambil perkiraan. Di satu sudut kita hendakkan rakyat kita berkhidmat atau bekerja di dalam kilang-kilang dengan lebih selesa, tetapi di satu sudut lagi kita menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kalau boleh pihak kementerian hari ini menghentikan membuat promosi daripada industri-industri biasa ini, industri-industri hi-tech ini tidak apa, kerana ini adalah satu pengajaran yang baik kepada tenaga kerja kita. Maknanya tenaga pekerja kita ini akan menjadi tenaga mahir di masa yang akan datang dan sekurang-kurangnya mereka akan mendapat gaji yang lebih lumayan, pendapatan yang lebih baik daripada sekadar menjadi operator biasa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga kena memastikan bahawa supporting industries kepada industri besar yang masuk ke negara kita ini mestilah diberi kepada rakyat tempatan. Saya tidak boleh terima pada hari ini jika ada orang mengatakan bahawa pengusaha-pengusaha tempatan tidak mampu dan tidak berkebolehan.

Hari ini kita boleh mengeksport baju - kalau kita pergi ke Amerika Syarikat, cadang makan angin, kita tengok baju 'made in Malaysia', hendak beli baju untuk kawan-kawan dan anak-anak, pegang elok bukan main baju itu,

kemudian kita belek-belek jenamanya okay lagi, apabila pegang di bawahnya didapati 'made in Malaysia'. Jadi, kalau kita beli baju Malaysia bawa balik dari Amerika, orang kata kita tidak cerdik, pergi jauh-jauh beli baju buatan Malaysia, kita bawa balik dan kita khabar pada kawan kita beli di Amerika, dia tidak percaya kerana baju buatan Malaysia. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau baju kita standardnya sudah sampai macam itu, benda-benda lain pun sudah sampai ke taraf antarabangsa, takkan industri-industri tempatan ini tidak boleh menjadi industri pembantu sokongan kepada industri besar. Oleh itu, kementerian kena mengambil perhatian, kerana kadang-kadang macam kita katalah kilang-kilang yang ada pada hari ini, benda-benda yang boleh dibuat di Malaysia, kalau pun agak mahal sedikit, pihak kilang induk ini mesti menerimanya. Tidak ada ertinya kita menubuhkan kilang besar di sini, kemudian komponennya diimport daripada luar negeri kerana alasan murah. Jadi, foreign exchange kita pun tergugat dan wang kita mengalir keluar dan ini akan menjejaskan dijangka masa panjang untuk kita membangunkan industri tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pada hari ini industri-industri besar sudah masuk ke Malaysia dan mengikuti kehendak kerajaan, saya percaya penuh negara kita ini banyak pelabur-pelabur atau industri-industri tempatan telah wujud. Tetapi pada hari ini kalau kita tengok, walaupun ada ianya sekadar 'hidup segan mati tidak mahu', kerana mereka memberi cukup makan sahaja -

you buat ini - ini dia, profit marginnya setakat ini. Sungguhpun dia assured pembelian, tetapi profit marginnya hanya setakat inilah, kalau RM5 satu bulan RM5lah, sedangkan kalau dia jual, dia untung berlipat-lipat kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita menggalakkan pelaburan, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian dan syabas kepada Perdana Menteri kita yang bekerja begitu kuat, boleh katakan dia rata negara dia pergi, dia promote Malaysia, promotekan pelaburan supaya masuk ke Malaysia. Tetapi di pihak kementerian dia kena membuatlah sedikit kajian, membuat sedikit peraturan, jangan kita terlalu longgar. Kalau kita beri terlalu longgar ini akan menggugat kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Hong Kong. Sekarang ini banyak 'hongkee' telah masuk ke Malaysia dan akan melabur di Malaysia. Mereka mempunyai duit dan mereka kadang-kadang itu hendak diversified, hendak lari ke Singapura pun tidak ada apa di Singapura, dengan Lee Kuan Yew mereka naik 'semak', jadi mereka tidak berani pergi. Oleh itu, mereka datang ke Malaysia, jadi kita kena pastikan pelaburan itu, pertamanya ekuiti anak-anak tempatan ada bersama dengan mereka. Kemudian bila mereka ada ekuiti dengan rakyat tempatan, kerajaan kena bantulah syarikat itu, memberi peluang dan sebagainya untuk mereka bergerak sama, berusaha sama barulah ada kerjasama transfer technology di antara yang pakar dengan yang tidak pakar. Hari ini tidak ada - cukup sedikit. Oleh itu, saya minta kementerian sekadar

berapa banyak kilang yang ada hari ini di Malaysia dan pelaburan sebanyak mana yang ada, kemudian dari segi IKS berapakah pusingan perniagaan IKS dengan pusingan pelaburan yang ada pada hari ini. Kalau boleh pihak kementerian memberi sedikit fakta ini, industri kecil dan sederhana dan sebagainya, kerana saya tengok setengah-setengah syarikat ini terutama Jepun dan Korea, sehingga daging pun diimport dari negaranya kerana tidak boleh makan daging Malaysia - ini betul bukan saya main-main, macam-macam semua benda mesti datang daripada sana. Dia bawa keseluruhan 'the whole family' bukan setakat familynya sahaja, tetapi 'the whole ration' pun dibawa daripada sana. Jadi, bila masanya kita di sini hendak menumpang sedikit? Mungkin kita bangga sebab kita ada kilang sana, kilang sini, pelaburan kita begitu besar, 'Kak Dah' kita pun pergi luar negeri, bersyarah sana, bersyarah sini, bagus 'Kak Dah' bagus, mulut 'popok-popok' sedikit tidak apalah, kerja jadi. Tetapi, apakah pulangan dari segi jangka masa panjang dan bermanfaat kepada rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, macam saya kata tadi, kita hendak orang melabur di Malaysia. Bila hendak orang melabur di Malaysia, kita kena berilah peluang, kemudahan-kemudahan dan sebagainya. Tetapi kita adakanlah 'win-win situation', maknanya kedua-dua belah pihak mendapat keuntungan.

Lagi satu saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya berkerjasama dengan tiap-tiap negeri dalam Malaysia ini. Kadang-kadang

Tuan Yang di-Pertua, dia tuju ke satu-satu negeri sahaja, mungkin Kelantan tidak pergi tidak apa, kerana Kelantan pun tengok wakil rakyatnya pun bukan ada di dalam Dewan. Bila kita membincangkan tentang penggalakan pelaburan mereka tidak mengambil berat, mereka tidak mahu mengambil tahu, sepatutnya wakil rakyat PAS, DAP merapu pula, bercakap tidak tentu ekor kepala. Jadi, sekurang-kurangnya ada parti PAS bangkit mengatakan ‘datang ke Kelantan’ dan sebagainya, ini tidak ada langsung. Tuhan pun kata ‘duduk dalam Masjidil Haram kalau berdoa di hadapan Ka’abah, tetapi tidak keluar bekerja, Tuhan tidak akan bawa turun emas ke atas riba kita’ - ini betul pun Tuhan sudah kata, kita kena usaha. Kita mendoakan, tetapi kena usaha, kalau harap pada doa, Nik Aziz berdoa sahaja usaha tidak dibuat, taubat pelaburan tidak akan pergi ke negeri dia. Ini kementerian kena mengambil ingatan sebab seorang wakil PAS pun tidak ada. Jadi, jangan digalakkan pergi ke negeri mereka, datang ke Kedah banyak sedikit tidak apa, Yang Berhormat dari Kepong jangan ‘under look’ pada Yan ya! Yang Berhormat dari Kepong bacakah surat khabar semalam ‘*The Star*’ dan ‘*Bussiness Times*’ bacakah? ‘Pelaburan yang akan hidup di Yan’, akan ada kepulauan Yan, ada lapangan terbang - bacalah.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Mengangkat akhbar*]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Ha! Itulah saya kata. Baca jawi, saya tahulah Yang Berhormat tahu baca jawi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita buat brochure, bila buat brochure berikan kepada misi dagang Malaysia, siapa sahaja. Kalau kementerian pergi, kementerian bawa, perkenalkan negeri-

negeri yang ada dalam Malaysia, kemudahan-kemudahan kawasan industri di Malaysia. Macam Kedah, Tuan Yang di-Pertua, ada hi-tech - Kulim Hi-Tech. Kalau Kerajaan Negeri Kedah sahaja hendak promote, kadang-kadang tenaganya juga kurang, duit kurang dan sebagainya.

Saya berterima kasih jugalah kerana kementerian juga buat. Ini adalah idea kementerian daripada kerajaan Pusat masuk kerajaan negeri adakan hi-tech, tetapi masih banyak peluang tempat untuk kita melaburkan dan kita hendak jadikan Kulim Hi-Tech ini sebagai satu perkampungan yang canggih dari segi teknologinya. Jadi kena buat promosi - tolong, pihak kementerian kena tolong. Begitu juga negeri-negeri lain, macam di Kedah pun Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan saya sendiri Pulau Bunting akan diadakan pelabuhan, di Kepong tidak ada, hendak buat pelabuhan macam mana taukenya ada penyakit kulit. Jadi, di Pulau Bunting akan diadakan pelabuhan untuk Indonesia, Malaysia dan Thailand, di situ dengan sendirinya kemudahan pengangkutan akan menjadi senang. Kemudian dengan adanya lebuh raya pada hari ini, pengangkutan senang.

Oleh itu, kita mintalah pihak kementerian bila pergi ke luar negeri bawa brochures negeri-negeri ini dan negeri-negeri kena kerjasamalah, minta negeri-negeri dia beri up-to-date informasi tentang pelaburan di negeri-negeri masing-masing. Kalau boleh setiap bulan dia hantar up-to-date informasi kepada pihak kementerian, supaya apabila kementerian keluar 'okay' bila orang tanya atau pelabur tanya 'negeri mana yang dia boleh melabur di Malaysia?' 'Okay, jenis ini pergi ke Kedah, jenis ini pergi ke Negeri Sembilan, jenis buat tayar pergi ke negeri yang banyak getah dan sebagainya, kalau buat ketayap pergi ke Kelantan tidak apalah'. Ketayap dari negeri China, Tuan Yang di-Pertua, yang tok Arab serkup itu negeri China yang buat ketayap, tok Arab ada apa sebetulnya, ketayap pun import.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kemudahan-kemudahan asas yang ada pada hari ini pelabur-pelabur boleh masuk ke Malaysia. Lagi satu yang saya ingin tekankan ialah pihak bank-bank pun dia kena berilah satu insentif kepada pelaburan IKS yang berusaha sama dengan kilang-kilang besar ini, dia kena berilah sedikit kelonggaran. Kalau sudah tahu kilang-kilang besar itu assured pasaran pada barang-barang keluaran ini jangan banyak soal sangat, berilah, kita kena buat satu back-up kepada syarikat-syarikat ini supaya mereka akan kukuh. Kerana dalam bidang perniagaan kita tidak mahu 'is whom you know actually is what you know'. Kadang-kadang 'is whom you know' susahlah, orang yang betul-betul boleh berniaga dia berasa kecewa dan sebagainya. Jadi, kadang-kadang yang 'what you know' itu tidak dapat peluang.

Jadi saya harap bank-bank ini pun tolak ansurlah sikit, yang besar Tuan Yang di-Pertua, dia kecil dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau bank tu rugi, kita juga yang marah.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tidak Tuan Yang di-Pertua.

*[Ketawa]* Dia macam ini Tuan Yang di-Pertua, dia kira bagi elok, kadang-kadang projek viabel, projek tu viabel tetapi handicapped kerana dia tak ada security, dia tak ada benda nak cagar nak bagi dapat projek itu. Jadi dia tak boleh, bila tidak boleh terlepas peluang. Sekarang kerajaan mahu ini, peniaga peringkat pertengahan.

Kalau bank tidak beri sokongan, badan-badan kerajaan lain tidak beri sokongan, dia nak pertengahan macam mana, bawah pun tak ada atas adalah. Ada atas tak ada bawah pun tak bolehlah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia kena ada atas, tengah, bawah baru sempurna. Ini yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita susah hati kerana tak ada yang tengah. Jadi saya harap pihak bank pun bertolak ansur, badan-badan pun tolak ansur, pegawai-pegawai kerajaan pun kalau nampak kawan ni boleh cari makan, sokong dia bagi elok. Insya Allah, kalau dia berjaya, tak lama kita tengok pun rasa seronok Tuan Yang di-Pertua.

Macam guru sekolah Tuan Yang di-Pertua, dia mengajar budak itu, dia menjadi guru sampai pencen tetapi budak itu tak lama jadi profesorlah, jadi seorang usahawan yang berjajalah tetapi dia pencen gurulah Tuan Yang di-Pertua. Tapi dia berasa seronok, bila dia tengok anak murid dia berjaya dalam surat khabar dapat ijazah ni, dapat kedoktoran, dapat tu dia berasa lapang. Eh! anak murid aku dulu buas macam 'Jerman' hari ini tengok, berjaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia berasa seronok Tuan Yang di-Pertua, pegawai kerajaan pun kena ada semangat ni, kalau ada hamba Allah pergi ke kementerian, saya biasa Tuan Yang di-Pertua, dia buka-buka kertas kerja, tengok-tengok tak viabel, sebab tak viabel tak beritahu. Kawan ini sudahlah tunggu hampir sejam dua nak jumpa pegawai yang tinggi-tinggilah, dah 'ketak' nak jumpa pegawai tinggi, itu satu Tuan Yang di-Pertua, macam kita tak apalah orang jenis pakai tie selalu. Ini yang baru datang, dia berani dengan tie sahaja Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang baru ini, datang dengan

kertas kerja, dah lah kertas kerja tu nak buat pun berbulan-bulan, nak bagi, syarikat-syarikat konsultan besar-besar ni buat tak mampu, modal tak ada, yang kecil-kecil ni kadang datang minta nasihat, tengok-tengok tak viabel. Tak beritahu kepada kawan ni kenapa tak viabel. Kita kena tolong dia, yang ni tak boleh encik kita kena buat macam ini, peraturan macam ini, cara dia macam ini, barulah dia berasa seronok Tuan Yang di-Pertua.

Saya biasa Tuan Yang di-Pertua, pengalaman sebagai wakil rakyat Tuan Yang di-Pertua, di negeri Kedah sendiri, pegawai pejabat tanah, datang orang kampung pagi itu nak ubah nama geran. Ini nak cerita perihal manusia Tuan Yang di-Pertua, ini berkait dengan penggalakan pelaburan. Kalau datang pegawai ataupun pegawai-pegawai orang kita kasar macam ni Tuan Yang di-Pertua, pelabur lari. Saya bukan macam DAP, dia melilau ke tempat lain, saya balik pelaburan tetapi nak cerita perihal manusia Tuan Yang di-Pertua. Dia datang pagi, dia tak ‘menyuruk’ saya percayalah barangkali .....

**Tuan Yang di-Pertua:** ‘Menyuruk’ tu apa dia?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** ‘Menyuruk’ ni dia tak breakfast, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]. Jadi bahasa Kedah ni dia kata ‘menyuruk’, bahasa bandar raya Kuala Lumpur breakfast. [*Ketawa*]. Jadi datanglah kawan tu dengan segulung geran dan borang. Geran dan borang ini Tuan Yang di-Pertua, yang taip ini orang petition writer, orang tua ni buta huruf. Saya tengok dia, saya tahu dia tidak tahu baca. Pakai kain apa semua,

pakai teluk belanga, pakai ketayap pun hitam dah, orang kampung, mungkin dari Padang Terap kawasan Affifuddin kot, mungkin dari Padang Terap dia datang. Jadi masuk-masuk Tuan Yang di-Pertua,..... panjang umur. *[Ketawa]*.  
 Jadi Tuan Yang di-Pertua, kawan pun beri pada kaunter pejabat tanah. Dia buka borang, dia marah orang tua ni. Pakcik tak reti ke? Isi borang pun tak reti, saya bukan ada masa nak tengok-tengok borang Pakcik, betulkan borang ni dulu. Saya di belakang dia Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup kecil hati. Kerana ingat kita wakil rakyat, kita ingat kita ada gelaran juga Tuan Yang di-Pertua , kalau tidak saya tumbuk cermin tu, geram pada budak itu.

Pasal orang tua itu Tuan Yang di-Pertua, dia dahlah tak reti, hang buka-buka borang hang tegorlah borang ni, hang pergi sergah orang tua ni buat apa? Kawan dahlah pagi tak ‘menyuruk’, datang dari kampung, motong getah tidaklah pagi tu, datang nak isi pindah milik nama tanah. Ketepi saya kata, “Encik jangan kasar dengan orang tua ini, kalau bukan kerana orang tua ni, encik tak dok dengan tie di sebelah tu. Sungguh pun dia buta huruf dialah pejuang-pejuang kemerdekaan yang kita berjaya pada hari ini. Encik jangan buat perangai macam ini? Kalau tidak, sakit boleh, malu boleh, lain kali dengan saya”, saya kata pada dia.

Yang ini kita mahu pegawai bertimbang rasalah. Bila sibuk orang tua ni masuk .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kulim bangun.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya cuma nak minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Yan - Switzerland semalam. Macam Switzerland, Yan tu. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada suatu masa dulu semasa Dasar Ekonomi Baru, baru dilancarkan pada ketika itu tiap-tiap kementerian, pejabat, bank dan sebagainya tiada unit-unit penyertaan bumiputera ataupun unit membantu bumiputeralah . Pada ketika itu kalau kita pergi, sehingga kertas kerja pun dia tolong buat kerana pegawai-pegawai pada ketika itu sedar tentang peri mustahaknya orang-orang ini dibantu. Jadi sekarang ni, masalah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormatlah, jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perangai pegawai-pegawai kita sekarang ni mungkin begitu kerana mereka dah tidak sedar mengapa berlakunya 13hb. Mei 1969 dan kenapa lahirnya dasar Ekonomi Baru. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sudah sampai masanya kita memberi kursus balik kepada mereka supaya wujud kesedaran itu?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya ingat kementerian Yang Berhormat patut beri kursuslah sebab berkaitan dengan sumber manusia.

*[Ketawa]* Yang Berhormat tanya saya buat apa ..... *[Ketawa]*. Jadi memanglah sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia sungguh tak kiralah orang Melayukah, orang Tionghua, orang Tamil dan sebagainya. Budaya kita hidup di Malaysia sekarang ini cukup baik, sebab itulah kalau kita, tengok orang Tionghua Malaysia kalau balik di belah negeri China, dia pun tak

boleh terima perangai tu, kasar! Kita ni lemah lembut Tuan Yang di-Pertua, sungguh. Tengok pegawai-pegawai kita yang lemah lembut pun ada, yang kasar pun ada tetapi yang lemah lembut pun banyakkann? Kadang-kadang tu dia lembut sampai kita naik huru-hara, pun ada juga

Tapi yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, etika kerja tu, kita kena bersama pasal kesian Perdana Menteri kita Tuan Yang di-Pertua, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pun macam itu juga, turun naik kapal terbang, sampai rumah pun tak jumpa Tuan Yang di-Pertua, punya nak meningkat, sampai kita tengok dia pening, Dewan Rakyat pun jarang datang, Tuan Yang di-Pertua, mana pernah datang. Menteri lain datang juga, ini sampai tak pernah datang, apa kerja? Siang malam kerja Tuan Yang di-Pertua. Pegawai-pegawai dia kena back-up, back-up betul-betul supaya pelabur bila sebut nama Malaysia dia seronok. Bukan seronok apa, dari segi keuntungan satu, Tuan Yang di-Pertua. Kita ni hidup, kalau duit banyak pun hati tak tenteram buat apa. Macam Tuan Yang di-Pertua, duduk atas tu, gaji elok, duduk elok-elok, anak cucu pun sihat. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duit tak banyak pun tak apa ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tak apa, Tuan Yang di-Pertua tak apa. *[Ketawa]* Kira mahu tenteram. Seronok, kita hidup nak tenteram, kaya pun tak guna Tuan Yang di-Pertua, kita nak hidup senang. Jadi bila kita nak hidup senang macam itulah, pelabur datang, buat duit, satu, yang keduanya

dia nak juga kesenangan, ketenteraman keselamatan negara macam Malaysia hari ini pukul 3.00 pagi kita termimpi terjaga tiba-tiba lapar boleh naik kereta pergi makan di pekan tu, siapa pun tak ketuk kita. Punyanya mudah, negeri lain Tuan Yang di-Pertua kita sua jari punkena 'tokak'. Di Amerika Syarikat pukul 7 malam curfew, tak berani turun. Dengan the black, dengan the white, dengan the black white kita nak turun macamana? *[Ketawa]* Dengan the red pun ada semua Tuan Yang di-Pertua. Tak berani, sungguhpun. Kot lah saya wakil rakyat kampung, yang dalam pekan pun tak berani keluar di Amerika. Itu yang Clinton act sangat. Kita di sini tengok, saya biasa datang tengah malam jadi lapar, turun naik motokar pergi makan pun tak takut. Di hotel 24 hours tu menyorok belah tengah malam Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Jadi di sini kelebihan yang ada di Malaysia, jadi kita kena jaga, cuma pelabur-pelabur ini dia datang, dia bagilah, ini kita untung RM1 you ambil 4 kupang bagi kita balik 6 kupang. Ini dia tinggalkan pada kita sekupang, dia 'pederas' 9 kupang, rebahlah kita.

IKS ini, bunyi IKSlah Tuan Yang di-Pertua. Akhir-akhirnya kita dok buat 'tok yu' dan giling cabai, sampai bila? Setakat mak bapak cukuplah, yang cucu ni dah graduate tak kan nak giling cabai buat cili sos lagi, biarlah maggi cukuplah. Kita buatlah lain pula, komponen yang baik-baik lagi. Jadi ini yang kita nak Tuan Yang di-Pertua, jadi saya harap kementerian ambil perhatian.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, SUKOM nak buat di Malaysia. Seluruh negara Komanwel nak datang ke Malaysia. Apakah persediaan kementerian ini untuk nak buat promosi industri juga? Kita kena ambil kesempatan inilah, ini kerajaan belanja beribu juta, beratus juta. Jadi apakah kita nak tengok orang main kriket sahaja atau main netball? Hak lain macamana? Kementerian lain macamana, apa fungsi mereka? Dia kenalah kalau international trade okay buat pameran, sempena dengan SUKOM kita adakan pameran di Putra World Trade Center. Pameran peluang-peluang melabur di Malaysia. Jadi yang datang Tuan Yang di-Pertua, ada menteri dia, ada timbalan menteri dia, ada ketua sukan dan sebagainya. Rakyat-rakyat dia pun nak tengok pemain dia main di sini. Jadi dia datang, pada masa lapang dia pergi tengok pameran ini. Jadi kementerian kena ambil inisiatif. Kementerian-kementerian lain pun kena ikutlah.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya hairan pasal apa bola ni dia tak masuk dalam game ini. Kriket ni, di Yan bukan kenal apa kriket, kata 'rounders' baru tahu, ha 'rounders'. Kemudian basket ball, basket ball puak-puak belah Yan mana ada reti basket ball, cuba beritahu 'bola', sampai pagi esok pun boleh puak ni tengok bola Tuan Yang di-Pertua, tengah malam. Jadi saya minta kalau boleh, naib presiden FAM sudah kata, depa boleh adakan game antara negara-negara Komanwel main bola. Walaupun tak boleh masuk dalam itinerary sukan SUKOM kerana tidak ada tapi kita buat sebelum atau selepas itu untuk menarik lebih ramai lagi. Kriket pun saya tak pergi tengok,

golf pun saya mainlah juga Tuan Yang di-Pertua, tak main golf depa kata tak boleh bincanglah ni, kena bincang atas padang golf. Tak ke pelik Tuan Yang di-Pertua, bola sebihi pukul sampai 18 lubang, lepas selubang, selubang pukul tengah panas. Tapi kalau kita tak main pun, depa kata “do you play golf”, nak kata no, “no alright, I’m not free today.” Kalau kat golf court bolehlah. Jadi kita pun pukullah sikit Tuan Yang di-Pertua. Beritahu tidak mahu main golf, sat ni marah pula, aku lantik hang suruh bercakap, pi dok main golf, tapi tak main golf pun tak boleh nak sembang. Pegawai la ni sibuk dengan padang golf, kadang-kadang pergi 3.30 pun pegawai dia tarik trolley dah. Pegawai yang ada ni semua baik-baik Tuan Yang di-Pertua, yang lain tidak ada di pejabat dia pergi main golf petang-petang.

Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang DO-DO ini pukul 3.00 dah mula cakap pasal handicap, pasal hole in onelah, macam-macam Tuan Yang di-Pertua. Macam Tuan Yang di-Pertua bagus, saya ingat Tuan Yang di-Pertua minat burung. Satu nikmat Tuhan bagi, kita dengar suara dia kita boleh lena Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* sungguhpun!

Jadi SUKOM akan datang Tuan Yang di-Pertua, fikir macamana kementerian nak promote bersama dengan SUKOM. Other kementerian pun take advantage supaya kita boleh buat satu promosi bersama dengan SUKOM. Dan bola saya minta Tuan Yang di-Pertua kalau boleh kita masukkan sebagai satu jenis permainan kerana bola kita boleh tengok. Bola ni cukup banyak

peminat sekarang. Kalau tak minat tak jadi rasuah bola Tuan Yang di-Pertua, pasal kerana minat. Jadi kita kena masukkan bola sebagai satu daripada sukan dalam SUKOM.

Kemudian satu lagi Tuan Yang di-Pertua tentang NGOs, NGOs jangan dok cakap umum Tuan Yang di-Pertua. NGOs ni kadang melampau. Bukan ‘tera’ mana sangat, kerajaan nak buat sesuatu benda, NGOs dengan disokong oleh DAP mengamuk. DAP kerja lain tak ada. Saya tak pernah dengar bila dia kritik, dia buat cadangan, tak ada. Macam kelmarin Kota Melaka hentam Menteri Pengangkutan. Dia kata saya nak bodek, nak bodek apa kita bercakap atas prinsip, nak angkat pun berat pada saya, saya tak larat nak angkat. Lagipun saya bukan niaga apa dengan Menteri Pengangkutan, tak ada apa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** tak apa, yang ini boleh tahan sikit Tan Sri, dia ini tak berapa histeria.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Yan, adakah beliau masih memperolehi permit untuk lori transport?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, yang ini dia tidak erti. *[Ketawa]* Sebab itu saya kata depa bising sahaja. Permit transport ini di bawah Kementerian Perusahaan Awam, bukan Kementerian Pengangkutan. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Hendak cakap lagi? Tak usahlah. Jadi, kita, Tuan Yang di-Pertua,....nak cakap lagi?

**Tuan Lim Hock Seng:** Ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Okay, saya tidak mengapa. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya minta Yang Berhormat dari Yan, bukan langsung tidak ada sangkut dengan Kementerian Pengangkutan....

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti kena saman.

**Tuan Lim Hock Seng:** Nanti kena samankah, nanti kena pergi JPJkah, nanti ada sangkut di mana-manakah, bolehlah minta pertolongan dari Menteri Pengangkutan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Asap hitam juga. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, zaman sains dan teknologi takkan hendak suruh orang berjalan kaki. Takkanlah hendak angkut barang dengan kereta lembu. Jadi, kalau ada pengusaha-pengusaha lori dan sebagainya, ada undang-undangnya. Menteri Barisan Nasional termasuk Perdana Menteri kalau dia menyalahi undang-undang, no way, dengan izin. No way! Jangan tengok saya. Kepong buat tak erti, kelmarin bila dia bercakap, kata pada kita macam-macam. Ini pun satu, sampai dua jam bercakap, kementerian ambil lima ayat sahaja, saya check kelmarin. Lima sahaja boleh pakai, yang lain semua out. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta pembangkang beri cadangan. Macam kelmarin, bila Kota Melaka bising fasal - saya faham bising fasal trafik jam dan sebagainya. Semua orang pun berasa sama. Bila dia jadi menteri dia bukan ada outrider. Dia pun kalau jam, jamlah. Cuma macam Agong, Perdana Menteri fasal mereka sebuk lebih daripada kita, tidak mengapalah beri outrider untuk mereka. Sepatutnya Speaker pun kena ada outrider. *[Ketawa]* Bukan senang ini. Tak beri tak mengapa, sabar Tuan Yang di-Pertua. Bila siap semua LRT clear, Tuan Yang di-Pertua, sabar sekejap.

Jadi, bila siap semua ini, insya-Allah, selesai masalah trafik jam. Kemudian bila kementerian-kementerian pindah ke Putrajaya, insya-Allah, Kuala Lumpur akan jadi bandar komersial dan tidak akan lagi sibuk. Bila siap central tidak lama lagi, kita hendak pergi airport pun check-in di sini, di sana naik kapal terbang sahaja. Tidak payah lagi kita susah-payah. Jadi, ini benda yang kerajaan hendak buat.

Jadi, saya hendak pertahan balik, saya tidak mahu Yang Berhormat kata macam itu pada saya, tidak patut. Kemudian, sebut konco-konco. Dalam Barisan Nasional bukan ada konco, cubit paha kiri, paha kanan sakit. Jadi, Yang Berhormat jangan cubit tidak tentu arah. Jadi, kalau UMNO tidak sokong MCA tidak boleh kerana kita setia kawan. Kita bukan macam barisan DAP dengan PAS. DAP kena,

PAS keluar. PAS kena DAP keluar, seorang pun tidak pertahan. Ini konsep apa? Kita konsep setia kawan, jadi ini Yang Berhormat kena faham. Saya dok cabar Yang Berhormat, tak bangkit bertanya apa pun. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, dia sengaja hendak menjolok. *[Ketawa]* Tetapi kalau hendak menjolok, saya rasa kalau setia kawan, saya bersetuju. Setia kawan dari segi disiasat oleh BPR semua MCA dan UMNO pun kena siasat oleh BPR, bukan hanya UMNO sahaja. Lapan Ahli Exco yang disiasat oleh BPR bukan hanya UMNO sahaja, MCA pun ada. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan jangan nafikan di sini bahawa beliau tidak tahu ada Ahli Exco MCA yang disiasat. Saya cabar beliau, beranikah bangun untuk menafikan ada Ahli Exco MCA yang disiasat oleh BPR?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang berucap sekarang ini ialah Yan. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tahu, tetapi dia menjolok, itu setia kawanlah. MCA tolong UMNO, UMNO tolong MCA, sama-sama rasuah. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, dalam hidup, kita jangan emosional. Manusia ini sebab itu dalam Islam, kesabaran itu separuh daripada iman. Kita kena sabar. Sebab itu saya macam mana hot pun saya sabar. Last sekali oleh kerana mereka tidak erti saya bercakap bahasa mereka bagi mereka erti, itu pun mereka tidak erti. Itu habis marahlah saya, saya sabar. Jadi, Yang Berhormat dari Kota Melaka kena belajar sabar. Kita bercakap fasal penggalakan, Yang Berhormat tala Menteri Pengangkutan tak tentu fasal, fasal apa? Dia baru masuk, bukan tahu apa-apa lagi. *[Ketawa]* Jadi, Yang Berhormat kena faham.

Kemudian, dari segi undang-undang tidak kira siapa. Kalau siapa buat salah, dia tanggung. Bagi orang Islam, kalau di dunia dia lepas, di akhirat dia kena. Kena ingat, di akhirat nanti yang lain pergi ke syurga, dia kena tunggu di situ, tidak lepas. Dia hendak pergi ke neraka, kita tengok, hello apa khabar? Dia kata, 'hendak buat macam mana, aku tak lepas.' Dia tidak boleh pergi ke syurga. Jadi, kita ada pegangan macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, NGO kenalah ada sedikit perkiraan. Jangan dok menyalak sampai nanti pelabur takut hendak datang. Kerajaan buat benda, contohnya Stadium Merdeka, bila kerajaan buat Stadium Merdeka dahulu, orang marah pada Tunku Abdul Rahman. Tuan Yang di-Pertua pun tahu, masa itu Tuan Yang di-Pertua menjadi Ahli Yang Berhormat. Masa itu saya tidak lahir lagi, tetapi saya

baca sejarah. Orang kompelin, mereka kata tidak guna, pembaziran dan sebagainya. Akhir-akhirnya Stadium Merdeka sudah tidak cukup. Bila main bola dan sebagainya sudah tidak cukup. Zaman sekarang pula marah mengapa stadium buat kecil sangat. Bila kita hendak roboh, hendak bawa ke tempat lain, NGO marah. Oh, di sini tempat merdeka. Tidak mengapalah tempat merdeka, kita ambil gambar sambutan Hari Merdeka letak di penjuru ini, di Muzium, tulislah letak di situ. Bukannya ada apa, stadium hendak diubah, dan stadium tempat sambutan Hari Merdeka dikatakan hendak dielok. Kita hendak perbesar Stadium lagi, di situ boleh kita bangunkan supaya orang dapat berniaga dan sebagainya.

Jadi, yang inilah kerajaan dok buat. Yang NGO ini dok menyalak tak tentu fasal, kita pun tak erti hendak fikir. Jadi, kita tidak mahu NGO dalam Malaysia diperalatkan NGO dari luar. Suruhlah, you bising sahaja di sini. Jadi, saya harap DAP pun jangan jadi orang suruhan NGO. Macam Kepong, dia orang berpelajaran tinggi, bercakap pun kadang-kadang bagus, kadang-kadang merepek, tidak mengapalah, okay. *[Ketawa]* Tetapi jangan diperalatkan oleh NGO, fasal kita ada prinsip, dipilih oleh rakyat. Kita menyuarakan benda yang manfaat kepada rakyat. Sebab itulah merosot sokongan rakyat kepada DAP dan PAS kerana mereka lebih kurang macam gong sahaja, gong, gong, gong, pukul, bila buka, kosong. Yang kita pang, pang, pang, bila buka itulah Tuan Yang di-Pertua, jadi orang mahu kepada Barisan Nasional.

Jadi, saya harap NGO supaya faham perbuatan mereka itu kadang-kadang mengkhianati pembangunan negara kita ini. Walaupun mereka hendak jadi hero, jangan jadi hero pengecut. Jadi hero yang tegas, hero yang ada disiplin. Bangkit macam Tanjong tadi sampai macam orang hendak menurun nombor ekor, apa hal, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua tadi tidak ada, dia macam orang hendak menurun nombor ekor. Tangan macam menari pop rock, kelam-kabut itulah sebab saya bangkit baca point of order. Kalau tidak, tak habis lagi dia bercakap.

Jadi, benda-benda ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau pelabur tengok perangai dok ada macam ini, nanti mereka takut hendak datang melabur. Tengok, wah! opposition macam ini, kalau DAP menang, mati kita. *[Ketawa]* Mereka tidak berani datang. Ini pun kita kena jaga. Jadi, NGO kalau dia hendak tegur kerajaan, dia duduk semeja berunding dengan kerajaan. Katalah tak kena, macam Projek Bakun. Projek yang kita hendak buat bagi pandangan saya adalah projek vission ke depan. Kalau kita

hendak buat dua puluh-tiga puluh tahun ke depan kosnya mungkin lagi berlipat-lipat ganda. Jadi, kalau kita boleh buat sekarang, kita buat untuk persediaan masa hadapan. Jadi, tidak ada masalah, macam kita menabung hari ini untuk masa depan kita. Kita tabung hari ini untuk anak-anak kita di masa yang akan datang. Jadi, ini yang kita kena buat.

NGO jangan dok serang. Bila dia serang macam ini, Tuan Yang di-Pertua, yang kementerian pergi merata bersyarah mengatakan Malaysia bagus, Perdana Menteri merata negara dia pergi dan dapat pengurniaan. Sekarang ini tengok Perdana Menteri kita, tidak ada dalam dunia Perdana Menteri macam ini. Handsome satu ceritalah. Tengok hidungnya terpacak, elok, ini kenyataan. Lebih kurang macam hidung saya, sungguh. *[Ketawa]* Merata negara dia pergi, orang beri kalung, beri gelaran, beri itu dan ini, kerana apa? Kerana beliau pemimpin yang jujur, seorang pemimpin yang berwibawa, pemimpin yang ketelusan, pemimpin yang pandang jauh ke hadapan. Jadi mereka menghormati ketua negara kita. Yang NGO, rakyat Malaysia beranak di Malaysia, dok cari makan di Malaysia, dok maki pula.

Jadi, bagi saya mereka ini kalau tidak ubah sikap, mereka lebih kurang pengkhianat kepada negara. Bila pengkhianat kepada negara, mereka ini tidak ada tempat. Kita jangan beri peluang dan tempat. Macam opposition pun baik berunding dengan kerajaan. Kalau macam Kepong ada idea yang bernas, datang berjumpa menteri. Menteri boleh dijumpa any time. Kalau tidak boleh berjumpa di pejabat kerana sibuk, boleh jumpa di Parliament House. Ini pandangan saya, kalau kita hendak menyelesaikan masalah lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur, ini pandangan DAP macam ini, macam ini, macam ini. Ini masuk dalam Dewan, hentam, hentam, hentam, keluar balik tidak ada apa.

Saya biasa, Tuan Yang di-Pertua, macam Kota Melaka....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun dan keluar dari Dewan]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** ....kita sebut sedikit, hendak keluar, Tuan Yang di-Pertua. Tak sporting langsung. *[Ketawa]* Very sensitive guy. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak mahu panjang kerana saya tahu ucapan saya ini bernas dan panjang. *[Ketawa]* Kerana saya hendak beri peluang kepada Menteri hendak jawab dan juga hendak menyelamatkan keadaan sebab itu saya bercakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia menjawab dalam lima ayat sahaja. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya hari ini tidak makan petang, tidak minum hi-tea, Tuan Yang di-Pertua, kerana hendak tunggu, daripada kelmarin saya tunggu. Saya berdiri Speaker tak nampak saya, tidak mengapa. Tetapi saya bercakap ini takkanlah lima ayat sahaja. Pemberita pun penuh, insya-Allah, esok keluarlah ya. *[Ketawa]*

Cuma, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sebagai Wakil Rakyat kawasan Yan, kerajaan negeri telah lulus penambakan pantai di Yan. Dalam kawasan tersebut ada juga kawasan yang dizonkan sebagai kawasan industri. Jadi, saya berharap pihak kementerian, pegawai-pegawai yang baik-baik belaka, sudah dua hari mereka tunggu di sini, tolonglah orang Yan. Orang Yan bila musim durian tiba, kita boleh jamu makan durian elok. Durian di Kulim pun tidak boleh lawan dengan Yan. Di Singkir, nama Singkir, walaupun nama Singkir, tetapi dia tidak tersingkir, cuma nama saja, dengan dusunnya, dengan gunungnya, dengan air terjunnya, dengan Gunung Jerainya. Kalau kita tengok, bila saya kata Switzerland, orang gelak. Tetapi tidak, cuma tidak ada snow sahaja. Bila ada snow, exactly like Switzerland, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Jadi, bila kerajaan hendak tambak kawasan-kawasan ini, saya minta kalau boleh pihak kementerian tolong promote sedikit di daerah Yan. Kerana saya percaya penuh di daerah Yan ini akan menjadi satu daerah yang baik. Inilah saya ingat saya pun berjuang hendak beri elok Yan, sisa-sisa hidup saya, tidak lama bila jasamu dikenang. Macam Tuan Yang di-Pertua, hari ini bila balik Kedah, beritahu Tan Sri Zahir, orang cukup hormat, orang malu alah. Jelutong itu cukup cengeh, bila Tuan Yang di-Pertua masuk, senyap. *[Ketawa]* Punya hormat Tuan Yang di-Pertua, sungguh, kita mahu macam itulah. Sekurang-kurangnya bila Yan bangun, zaman saya seronok. Bila pegawai-pegawai kerajaan tolong bangunkan Yan, insya-Allah, satu hari nanti pergi ke sana. Saya dok ada dan kita tengok macam mana keindahan. Bila cuti pergi ke Gunung Jerai tengok, tetapi kena bawa baju sejuk, fasal sejuk. Tetapi Gunung Jerai sejuk sekerat dan panas sekerat. Ini kena beritahu, sebelum naik ia panas, bila duduk di atas ia sejuk. Jadi, kena bawa baju sejuk, kalau tidak bawa ketar, cuma snow tidak ada, fasal tidak sempat datang snow, ia terlepas.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan wujudkan food industrial park. Kerana hari ini, cuba Tuan Yang di-Pertua tengok, kalau tidak silap saya kilang roti Gardernia yang kita dok makan, sebelahnya ialah kilang chemical. Kilang yang buat air sarbat, Red Horse, sebelah itu kilang

cat. Setengah ada kilang yang buat makanan, di sebelah itu kilang workshop, kilang besi dan sebagainya. Jadi, bila packing elok kita nampak standard. Tetapi bila dia buat, teruk. Kadang-kadang mee bila dia jemur kadang-kadang sekejap lagi lori lalu, kereta lalu, macam-macam lalu. Pergi hotel five star kita makan mee, hokkien mee, cantonis mee, bagusnya.

**Seorang Ahli:** Itu yang buat sedap.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Itu yang buat sedap. Yang buat sedap itu peluh, Tuan Yang di-Pertua. Macam mee Abu di Alor Setar bukan sedap macam mana, tetapi peluh mamak itu masuk dalam mee, itu yang sedap. *[Ketawa]* Itu dia punya 'kick'! Jadi, kita wujud. FAMA boleh kerjasama. Kita sudah buat ke arah itu, saya minta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri beri sokongan. Bermaknanya, bila kita buat food industrial park, pertamanya kita buat yang berniaga besar duduk dalam kawasan itu, yang pertengahan duduk dalam kawasan itu, IKS pun duduk dalam kawasan itu. Jadi, dia akan support terus-menerus daripada IKS, yang middle dan yang atas, yang besar. Jadi, ini sistem yang kita hendak buat, food industrial park.

Jadi, pihak kementerian kena ambil kira. Kerana tidak ada lagi di Malaysia satu kawasan industri makanan yang proper. Jadi, benda ini kita manusia kalau tak makan, mati. Kita dok makan, tetapi kita tidak pernah menyiasat sama ada makanan yang kita makan itu bersih atau tidak, khasiat atau tidak. Sebab itu orang dahulu mana makan vitamin, tidak ada. Orang sekarang sudahlah breakfast sudah makan, sekejap lagi hendak keluar ke office telan pula pil A, pil B, pil C macam-macam, B-, C-, semua telan. Fasal apa, kerana hendak support, tak cukup makanan yang asal, Pharmatonlah, kemudian Tongkat Ali campur semua sekali kerana hendak beri supporting, fasal apa? Fasal khasiat makanan tidak betul. Nyonya Rogai, industri baru, nyonya rogai industri bumiputera kita. Saya cerita ini sedikit fasal ini pelaburan, dia hendak buat kilang besar, sungguh. Dia buat kilang besar, dia tanam serai, tanam macam-macam daripada bahan-bahan asli. Jadi, dia buat ingredient untuk macam-macam, untuk wanita, untuk lelaki dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, industri ini, kita kena adakan dalam satu kawasan yang sesuai untuknya, hi-tech khas satu kawasan untuk hi-tech,

industri yang lain satu kawasan khas yang lain, jangan kita campur-campurkan. Sekarang ini tidak ada lagi seperti itu.

Jadi, saya harap kementerian tolong buat kajian pastikan ada satu program untuk kita wujudkan food industrial park, kawasan industri makanan, kita panggilah 'park' Tuan Yang di-Pertua, dengan pokok bunga buat garden landscaping elok-elok dan pihak FAMA sedang berusaha ke arah itu dan kita minta satu hari nanti kerjasama dengan kementerian, industri makanan hendak masuk ke Malaysia dia kena pergi ke dalam kawasan industri ini, jangan diletakkan ke dalam kawasan yang lain. Jadi, tak kena dengan iklim keadaan dalam kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya bercakap panjang dah, dan saya nampak segala point yang telah saya berikan ini semuanya bernas belaka, saya harap pegawai-pegawai tolong ambil ingatanlah bahawa kita menyokong rang undang-undang ini dan kita berharap dengan kemasukan pelabur-pelabur ini, pertamanya kita akan mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi, kita akan dapat membangunkan industri tempatan dan yang pentingnya, keuntungan maruah negara ini perlu kita pertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Bendera.

**5.47 ptg.**

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri kerana membentangkan satu Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan di Dewan yang mulia ini kelmarin.

Saya mengalu-alukan serta menyokong rang undang-undang ini kerana ini adalah satu pindaan yang progresif dan bermakna, yang akan membantu semua rakyat Malaysia dalam usaha menjadikan negara sebagai sebuah negara yang bukan sahaja maju daripada segi ekonomi dan industri tetapi juga dalam bidang kebudayaan dan kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan memang tepat dan sesuai pada masanya. Di dalam suasana globalisasi market economy, negara Malaysia haruslah sentiasa mencari inovasi dan kreativiti supaya dapat mendahului pusat-pusat pertumbuhan lain yang bersaing untuk pelaburan asing. Tidak dapat dinafikan bahawa negara Malaysia kini terpaksa bersaing kuat dengan negara-negara dan pusat-pusat pertumbuhan industri yang lain sama ada di rantau Asia Tenggara atau di Benua Asia secara keseluruhannya.

Selain daripada negara-negara yang digelar sebagai 'tigers of Asia' seperti Jepun, Korea, Hong Kong, Taiwan dan Singapura terdapat beberapa negara lain yang kini telah mencapai satu taraf apa yang dikatakan 'taking off'

di mana keadaan politik, sosial dan ekonomi mereka serta infrastruktur sesuai bagi kemasukan pelaburan asing secara besar-besaran.

Sebagai contohnya, 'silicon valley' di India, Pulau Batam di Indonesia dan beberapa zon perdagangan bebas khas di Republik China seperti Tientsin, Tienmen, Kwantung dan lain-lain.

Namun demikian, negara Malaysia masih mempunyai 'competitive advantage' dari segi suasana politik yang demokratik dan stabil dengan sistem perundangan yang juga matang dengan sumber manusia yang berpelajaran dan yang mahir. Pakar-pakar di dalam bidang yang setanding dengan negara lain, dengan sumber alam sekitar yang kaya tanpa sebarang bencana alam semula jadi dan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan berbilang agama yang hidup secara aman dan damai.

Dalam suasana yang positif ini, kita juga bersyukur kerana negara kita mempunyai Perdana Menteri, pemimpin-pemimpin politik dan kerajaan yang pragmatik dan berwawasan serta pihak swasta yang bertanggungjawab dan dinamik.

Di dalam tempoh satu atau dua tahun sahaja, negara Malaysia kini menjadi tumpuan dunia sebagai satu pusat pertumbuhan teknologi maklumat dengan adanya projek-projek prasarana seperti hi-tech mulai Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Walaupun dorongan ke arah masyarakat

information technology dimulakan oleh kerajaan, namun demikian, kita juga harus berbangga dengan pihak swasta Malaysia yang memupuk cabaran dan ilham dan dengan kadar segera telah menceburi diri terus dalam pembangunan information technology di Malaysia ini.

Kini kebanyakan syarikat-syarikat swasta mempunyai sistem berkomputer dan automasi pentadbiran yang canggih, syarikat swasta telah menerima dengan baiknya tentang globalisasi ekonomi dan menyediakan diri ke arah cara perniagaan abad ke-21.

Kerajaan kita peka kepada cabaran dan tekanan persaingan dari negara-negara lain yang sentiasa mencari jalan dari segi dasar dan strategi yang sesuai bagi keadaan masa kini dan masa depan.

Rang Undang-undang merupakan satu daripada tindakan kerajaan untuk mengekalkan pembangunan mampan atau 'sustainable development' bagi negara Malaysia. Kita tidak dapat menafikan bahawa penubuhan Multimedia Super Koridor (MSC) merupakan satu projek yang terpenting bagi Malaysia dalam tahun ini. Dengan MSC negara Malaysia seakan-akan telah mengambil quantum leap, dengan izin, ke dalam bidang information technology.

Saya percaya bahawa rang undang-undang yang berkaitan dengan MSC dan information technology ini akan dibahas dan dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, insentif yang diberi di bawah pindaan kepada Akta Penggalakan Pelaburan ini adalah selaras dengan pelan induk industri kedua seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, insentif-insentif seperti taraf perintis dan pengecualian dari cukai selama sepuluh tahun yang akan diberi kepada pelabur-pelabur Malaysia khas di Koridor Raya Multimedia dan satu di antara insentif dan tujuannya ialah untuk menarik syarikat-syarikat multinasional (MNC) yang berteknologi tinggi dan berpengalaman dalam teknologi maklumat supaya mereka mengambil bahagian bersama-sama dengan pakar-pakar tempatan Malaysia dalam pembangunan MSC ini. Dengan insentif seperti ini, barulah pakar-pakar dan pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri boleh menjadikan Multimedia Super Koridor ini sebagai satu kenyataan.

Selain daripada memaklumkan kepada dunia bahawa Malaysia mahu menjadi pemimpin dalam pembangunan multimedia di dalam negara Malaysia ada MSC yang telah memberi peransang dan ilham kepada kerajaan-kerajaan negeri. Sebagai contoh, di Pulau Pinang ada Penang Net yang telah dilancarkan pada hujung tahun lepas merupakan usaha utama Kerajaan Negeri Pulau Pinang menceburi diri dalam teknologi maklumat dan apa yang dikatakan kerajaan elektronik atau paperless electronic government.

Dan kelmarin, Ketua Menteri Pulau Pinang telah mengumumkan penubuhan Koridor Silikon yang merangkumi Pulau Pinang, Sungai Petani,

Parit Buntar dan Kulim sebagai satu apa yang dikatakan complement kepada Koridor Silikon dan kepada MSC. Koridor Silikon ini telah membantu membangunkan industri pembuatan komponen komputer di kawasan tersebut. Koridor Silikon ini boleh dianggap sebagai hardware hub, manakala MSC boleh bertumpu kepada software hub iaitu pembangunan perisian komputer.

Apabila digabungkan MSC dengan Koridor Silikon di utara ini, bercantum untuk menjadi satu sinergi dan wawasan Perdana Menteri kita untuk menyambung seluruh Malaysia kepada MSC dan seterusnya ke seluruh dunia.

Pihak swasta juga tidak ketinggalan zaman, kini terdapat beberapa bangunan intelligent dengan sambungan talian fiber optik pun telah wujud ataupun dalam pembinaan, terdapat juga beberapa projek pembangunan kawasan perumahan yang mempunyai prasarana canggih dan setiap projek-projek baru menawarkan pakej moden kepada pembeli-pembeli rumah.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu insentif dalam pindaan akta ini adalah untuk memberi taraf pengecualian cukai selama sepuluh tahun bagi pelabur yang menceburi dalam kegiatan IT ini yang dapat membangunkan MSC. Saya menyokong insentif ini kerana sepertimana yang saya telah sebutkan tadi, kita mesti lebih agresif untuk menarik pelabur yang bermutu tinggi dan berteknologi tinggi.

Di sini saya ingin menambahkan kepada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Tambun semalam yang mana beliau meminta kerajaan untuk mengenal

pastikan satu kaedah untuk menentukan pihak pelabur tidak mengambil kesempatan insentif pengecualian cukai ini dan meminta ke tempat yang lain selepas penghabisan tempoh ini.

Berhubung dengan ini, saya ingin mencadangkan supaya konsep pusat pembuatan bersepadu atau Integrated Manufacturing Centre diberi pertimbangan sebagai kaedah untuk mengelak bakal masalah yang tersebut tadi.

Konsep Integrated Manufacturing Centre (IMC) yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada awal 90-an setelah kajian mendapati bahawa Negeri Pulau Pinang tidak boleh mengekalkan kedudukannya hanya sebagai pangkalan atau base untuk aktiviti pembuatan atau pemasangan bagi syarikat MSC.

Kegiatan pembuatan telah dipertingkatkan dari segi hi-tech dan automasi tetapi peningkatan ini ada hadnya. Ini adalah kerana kegiatan pembuatan merupakan hanya satu daripada beberapa kegiatan yang lain yang termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) reka bentuk, tooling, perancangan korporat dan kewangan, pemasaran sumber-sumber, pengagihan dan sebagainya.

Maka strategi IMC ini adalah untuk menggalakkan dan menyakinkan pihak MNC supaya membawa keseluruhan aktiviti-aktiviti tersebut bagi sesuatu produk ke Pulau Pinang. Dan saya difahamkan ada syarikat-syarikat MNC yang telah bermula dan ada yang telah menubuhkan integrated manufacturing centre di Pulau Pinang. Namun demikian, konsep IMC hanya dapat berjaya di dalam kawasan dan suasana yang sesuai. Sebagai contohnya, negeri Pulau Pinang ada beberapa MNC sedia ada dalam kegiatan pembuatan barangan dan komponen elektronik, peralatan telekomunikasi, komponen komputer dan peralatan bukan hanya telah mencapai tahap teknologi pembuatan dan automasi yang tinggi tetapi juga telah menubuh bahagian R&D dan juga reka bentuk.

Selain daripada itu, pakar-pakar tempatan dalam bidang ini juga sedia ada walaupun tidak mencukupi bilangannya. Maka, dengan dorongan dan insentif tambahan syarikat-syarikat seperti ini senang ditingkatkan ketaraf IMC.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Saya minta penjelasan. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera tadi ada kata, ada banyak syarikat MNC multinasional company di Pulau Pinang dan mereka melabur dalam membuat komponen elektronik dan di sini saya ingin menanya pandangan dan pendapat Yang Berhormat dari Bukit Bendera bahawa selepas menawar MNC masuk ke negara kita ada kepentingan pekerja-pekerja di bidang elektronik tidak dilindungi seperti di satu kes di mana sebuah syarikat elektronik Advantag Electronic Sdn. Bhd. Beliau telah 'gulung tikar' dan satu jumlah hutang kepada pekerja-pekerja baik untuk gaji, baik untuk bayaran ganti notis dan lain-lain penamatan pekerja. Ini satu jumlah yang besar, Tuan Yang di-Pertua, RM682 ribu berhutang kepada pekerja-pekerja ini dan saya dapat satu jawapan daripada kementerian bahawa kepentingan pekerja-pekerja ini langsung pupus, langsung tidak ada lagi kerana dalam Akta Syarikat 1965 - pekerja-pekerja gajinya, benefitnya tidak ada perlindungan, mereka hanya akan membayar kepada secure claim sahaja dan adakah Yang Berhormat dari Bukit Bendera, semasa hendak menawar lebih banyak lagi MNC datang ke negara kita juga kepentingan dan faedah pekerja-pekerja perlu dilindungi dan seperti dalam kes ini di mana Akta Syarikat 1965 tidak langsung melindungi faedah-faedah pekerja. Yang Berhormat bersetujukah meminta kepada kerajaan supaya satu rang undang-undang dibawa masuk ke Parlimen ini untuk meminda Akta Syarikat 1965 supaya faedah dan kepentingan-kepentingan dijaga dahulu, jikalau ada satu-satu kilang tutup. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih. Saya memang tidak faham kerana satu masalah yang telah timbul itu begitu menggunakan masa yang panjang lebar untuk menerangkannya. Tiada orang menafikan bahawa kepentingan pekerja selalu dijaga dan oleh sebab ekonomi kita berkembang dengan pesat, memang gaji pekerja pun sudah naik. Jadi, dengan cadangan daripada Yang Berhormat dari Bagan, mungkin semasa kita membincangkan - kalau ada peluang - rang undang-undang meminda Akta Syarikat mungkin cadangan ini boleh ditimbulkan tetapi saya bukan tolong memangku menteri

atau timbalan menteri. Jadi, saya akan sampaikan cadangan ataupun masalah kepada pihak yang berkenaan ataupun menteri yang berkenaan.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan tidak?

**Tuan Chia Kwang Chye:** Minta maaflah, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab masa begitu singkat.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Chia Kwang Chye:** ....saya tidak ada masa lagi untuk beri jalan. Tuan Yang di-Pertua, ada implikasi dan kebaikan konsep Integrated Manufacturing Centre ini. Pertama, untuk melaksanakan konsep IMC, akan memerlukan lebih banyak sumber manusia tempatan yang dilatih dalam pelbagai bidang dan kegiatan yang dijalankan oleh MSC. Kedua, prasarana sedia ada mestilah dipertingkatkan. Ketiga, kita haruslah membuka dan memperluaskan outlook terhadap penyediaan insentif dan peraturan dari segi aspek pengangkutan barangan dan perkhidmatan dan juga sumber kewangan dan dari segi ini saya ingin meminta dan merayu kepada pihak kementerian supaya insentif-insentif yang diberi ini patutlah diberi cara berterusan (continuous) kerana kalau insentif tidak diberi secara berterusan dan pada hadnya kepada 10 tahun mungkin sampai akhir, tahun ke-8 atau ke-9, mungkin ada kilang-kilang atau syarikat-syarikat yang enggan melabur lebih lagi atau mengadakan R&D atau mengadakan produk-produk baru yang mereka ingin bawa ke negara ini.

Jadi, mungkin pihak kementerian boleh mengadakan satu insentif yang lebih fleksibel di mana mengadakan satu kajian semula pada penggal pertengahan (mid-term review) pada tahun yang ke-6 di mana jika syarikat yang terlibat itu adalah teknologi yang baru yang ingin meminta kepada Malaysia atau pemindahan teknologi (technology transfer) itu telah dipindah dengan memuaskan, mungkin insentif baru boleh dibincang dan mungkin boleh diluluskan.

Keempat, IMC akan melahirkan lebih banyak industri kecil dan sederhana (IKS) melalui tindakan mempertingkatkan kegunaan sumber-sumber dalam negeri.

Kelima, IMC akan memerlukan lebih banyak perkhidmatan sokongan bertaraf tinggi dari segi perkhidmatan kewangan, perakaunan dan lain-lain perkhidmatan perniagaan profesional dan dari segi kewangan, kita perlu mengkaji tentang undang-undang yang sedia ada di mana perniagaan mesti dijalankan dengan denomination atau currency Ringgit Malaysia. Mungkin satu sistem kewangan yang lebih fleksibel di mana akaun-akaun syarikat yang ada kaitan dengan perniagaan dengan negara-negara

lain boleh menggunakan sistem akaun pelbagai (multi currency) supaya masalah exchange rate atau masalah kerugian pertukaran mata wang itu mungkin dapat dielakkan.

Keenam, apabila bahagian pemasaran berpindah ke IMC, maka sektor perdagangan dan pengangkutan akan menerima perangsang. Akhirnya pembangunan IMC juga akan membawa lebih banyak persidangan, konvensyen dan pameran bertaraf antarabangsa dan dengan demikian membawa manfaat kepada sektor perlancongan dan perkhidmatan. Yang penting sekali, lokasi IMC di Malaysia bermakna syarikat IMC itu akan menganggap Malaysia sebagai pengkalan operasinya (offshore) dan lama kelamaan IMC akan mencapai satu tahap di mana sesuatu produk itu akan menjadi tempatan (localise) melalui usaha-usaha sama dengan syarikat tempatan dan seterusnya mungkin disenaraikan di Bursa Saham. Maka, dapat dilihat konsep Integrated Manufacturing Centre mempunyai banyak kebaikan dan faedah. Akhirnya untuk menjadikan IMC sebagai satu syarikat tempatan atau satu penghuni korporat tetap di Malaysia.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin menyokong rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta jawapan.

**6.15 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang telah bangun membahaskan Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997 yang merangkumi bidang-bidang dan isu-isu yang luas.

Walau bagaimanapun, banyak isu yang ditimbulkan adalah isu-isu umum yang melibatkan fungsi-fungsi MITI dan beberapa kementerian yang lain. Saya akan cuba menjawab isu-isu berkenaan dengan merangkumkan isu-isu yang sama seberapa yang saya boleh.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai lalu lintas telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Kepong. Kerajaan menyedari

masalah ini dan ia telah dikemukakan oleh persatuan-persatuan industri semasa majlis dialog MITI tahun 1997. Usaha-usaha telah dan sedang dibuat bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar Kuala Lumpur. Dari segi MITI, kerajaan memberikan insentif cukai seperti taraf perintis atau elaun cukai pelaburan untuk projek infrastruktur seperti Sistem Transit Rel Ringan di mana aktiviti ini telah pun dimasukkan sebagai satu aktiviti yang digalakan yang di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1966. Selain daripada ini banyak program telah dijalankan oleh kementerian-kementerian yang lain, terutamanya oleh Kementerian Kerja Raya dan juga oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Kepong telah juga menimbulkan isu mengenai dengan izin, total factors productivity (TFP). Adalah tidak wajar untuk membuat rumusan bahawa kadar pertumbuhan produktiviti Malaysia adalah terendah di rantau ASEAN ini adalah kerana metodologi, tempoh masa dan sumber-sumber data yang berbeza telah digunakan untuk mengukur kadar pertumbuhan TFP negara-negara di rantau ini. Jika hendak contoh-contoh, misalnya World Bank pada tahun 1963 ia menentukan kadar pertumbuhan TFP di Singapura adalah terendah di rantau ASEAN.

‘KAWAI’ pada tahun 1994 pula menganggap Indonesia sebagai yang tertinggi kadar pertumbuhan TFPnya di rantau ASEAN. ‘SARI’ pada tahun 1996 pula menganggap Singapura sebagai satu negara yang mempunyai kadar

TFP yang tertinggi dan Malaysia menduduki bukan terke bawah dan bukan yang tertinggi. Kedudukan kita selalunya adalah di tingkat yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu di antara strategi-strategi yang diambil untuk menggunakan pertumbuhan TFP termasuklah:

- (a) Meningkatkan kemahiran pekerja melalui pendidikan dan latihan;
- (b) Menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan;
- (c) Kemajuan kualitatif dan pengurusan; dan
- (d) meningkatkan prestasi produktiviti industri kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pencapaian kadar pelaburan tempatan berbanding pelaburan asing pada tahap 60% dengan 40% telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Tambun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik dalam dua perkara. Sungguhpun kita perlulah memberi insentif-insentif kepada syarikat-syarikat untuk infrastruktur dan contoh yang diberi oleh Yang Berhormat tadi seperti Light Rail Transit (LRT). Walaupun saya tidak menafikan, mungkin boleh melegakan sedikit lalu lintas, tetapi dari segi pelaburan, dari segi industri, saya percaya LRT tidak akan memberi

sumbangan yang begitu banyak kerana tidak akan menyelesaikan masalah lalu lintas di Kuala Lumpur misalnya - tidak akan menyelesaikan. Walaupun melegakan sedikit, tetapi dari segi pelaburan syarikat tempatan dan syarikat luar negara tidak akan mendapatkan manfaat yang banyak daripada LRT dan sebagainya.

Yang kedua, daripada hujah Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai TFP, adakah Yang Berhormat menganggap TFP boleh digunakan sebagai satu ukuran untuk pertumbuhan, sebab nada daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, menganggap TFP seolah-olah tidak begitu baik untuk diukurkan.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kesesakan lalu lintas, sebenarnya kerajaan ada rancangan jangka panjang dan juga rancangan jangka pendek. Rancangan jangka panjang terlibat dalam dua skim:

- (i) traffic disperses scheme; dan
- (ii) development disperses scheme, dengan izin.

Di dalam traffic disperses scheme banyak program telah dilaksanakan seperti lingkaran jalan yang pertama, yang kedua, yang ketiga. Yang pertama sedang dijalankan dan juga terlibat di dalam LRT, juga di dalam program bas Intrakota dan juga program-program yang lain.

Di dalam development disperses scheme pula, ini bertujuan supaya pertumbuhan ataupun pembangunan di dalam Kuala Lumpur itu tidak begitu bertumpu di dalam pusat bandar sahaja. Pembangunan itu akan diagihkan kepada tempat-tempat yang lain seperti Putrajaya, Siberjaya dan sekeliling Kuala Lumpur. Kita menggunakan kedua-dua konsep ini pada masa yang lebih panjang kita dapat mengurangkan kalau tidak menyelesaikan perkara ini.

Berkenaan dengan TFP, ini adalah satu ukuran untuk kita supaya kita tahu ke tahap mana produktiviti Malaysia sedang menikmati atau sedang ada. Kalau TFP itu kurang bagus, kita hendaklah menandatangani perkara ini dengan program-program yang saya telah sebut tadi.

Saya tidak menafikan TFP di dalam Malaysia ini masih banyak peluang untuk kita memajukan di dalam TFP itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kota Melaka, bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sebelum Yang Berhormat pergi secara terperinci mengenai TFP, bolehkah Yang Berhormat menyatakan dari segi kerugian oleh kerana kesesakan lalu lintas yang berlaku di Kuala Lumpur. Berapakah kerugian yang dianggarkan oleh pihak kerajaan setiap tahun, dari segi masa yang disia-siakan, kerana terkandas atau terperangkap dalam kesesakan lalu lintas.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan bidang kuasa MITI, saya harap Yang Berhormat timbulkan atau kemukakan soalan ini kepada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada ucapan saya yang pokok. Nisbah pelaburan domestik kepada pelaburan asing ini boleh dicapai. Sebagai contoh berdasarkan projek perkilangan yang diluluskan oleh MITI pada tahun 1996 sebanyak lebih kurang RM17 bilion atau 50.2 per cent daripada jumlah pelaburan yang diluluskan ialah pelaburan tempatan berbanding dengan pelaburan asing sebanyak RM17 bilion, tetapi kurang sedikit daripada pelaburan tempatan atau 49.8%, ini hampir-hampir sama.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, angka ini lebih daripada RM17 bilion bagi pelaburan tempatan dan juga hampir RM17 bilion untuk pelaburan asing, adakah untuk tahun 1996?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai keperluan tenaga mahir dan latihan bagi industri turut dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Tuaran dan Kepong. Kerajaan memang sedar akan keperluan ini di mana beberapa usaha sedang dijalankan untuk mengatasi masalah ini. Sebagai contoh Tabung Pembangunan Sumber Manusia atau Human Resources Development Fund dengan izin, telah dilancarkan oleh

kerajaan. Pusat pembangunan kemahiran skill development centre telah ditubuhkan di beberapa negeri. Kerajaan juga memberi insentif cukai kepada syarikat-syarikat yang menjalankan latihan teknikal dan kemahiran di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Kepong juga telah menimbulkan masalah pelaburan Malaysia di luar negara. Kerajaan memang menggalakkan pelaburan di luar negara sebagai satu usaha untuk syarikat-syarikat Malaysia menembusi pasaran baru bagi barangan Malaysia menggunakan kepakaran syarikat Malaysia dalam kegiatan tertentu seperti pembinaan lebuhraya, telekomunikasi, perladangan dan sebagai satu cara mendapat bahan mentah dan komponen dari luar negara untuk industri tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu lain yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tuaran ialah mengenai zon perdagangan bebas di kawasan Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP).....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, hendak beri jalan atau tidak, Yang Berhormat?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Biarlah saya habiskan ayat ini dahulu. Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Dalam hal ini kerajaan negeri Sabah pernah mencadangkan penempatan satu zon bebas kawasan KKIP. Walau bagaimanapun cadangan tersebut ditarik balik atas sebab-sebab tertentu, akan tetapi kemudahan gudang perkilangan berlesen (licence manufacturing warehouse) dengan izin, boleh digunakan sebagai alternatif kepada zon bebas di KKIP ini kerana LMW menikmati insentif dan kemudahan yang sama dengan zon bebas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sungguhpun kita memang menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia melabur di luar negara, ini memang kita galakkan kerana di dalam dunia akan datang, kita tidak boleh mengabaikan bidang ini. Tetapi yang saya sebutkan bukan sahaja kita melabur di luar negara, bahkan juga industri besar-besaran yang diadakan secara besar-besaran di negara ini seperti PROTON. Maksud saya kita mestilah membukakan lebih luas pasaran, misalannya dengan motokar, pasaran yang terbesar di dunia ialah Amerika Syarikat, tetapi setakat ini kita tidak begitu berjaya untuk menembusi pasaran itu, bahkan saya mendapat tahu tidak ada sebuah kereta pun sampai ke Amerika Syarikat, ini satu kelemahan. Bukan sahaja kita laburkan di luar negara, bahkan kita mestilah memperbesarkan pasaran kita untuk bahan-bahan keluaran kita. Itu maksud saya yang kedua.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang itulah inspirasi PROTON dan juga inspirasi Kerajaan Malaysia, tetapi untuk memasarkan kereta-kereta PROTON ke Amerika Syarikat adalah satu syarat iaitu volumennya mesti banyak, jadi pada setakat ini PROTON masih belum sampai ke tahap itu. Juga PROTON mesti menggunakan enjin tersendiri, transmission tersendiri dan apa-apa komponen yang lebih canggih daripada sekarang barulah kita boleh memasarkan ke Amerika Syarikat. Inilah adalah satu restriction di dalam industri vehicle in Malaysia. Jadi, Kerajaan Malaysia ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila habiskan ayat itu, ya.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Okay. PROTON sedang berikhtiar untuk mengatasi masalah-masalah ini supaya dia boleh dipasarkan di pasaran antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang hari Isnin.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***